

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2023

**HARI SELASA : 5 DISEMBER 2023**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK WIRA KOH NAI KWONG** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan tindakan terbaharu Kementerian untuk mengawal dan mengurangkan bilangan kenderaan berdaftar yang mencecah 33.08 juta agar kesesakan jalan raya dan pencemaran udara dapat dikurangkan dan penggalakan terhadap penggunaan mod pengangkutan awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited untuk memperkasakan pengangkutan awam serta mengurangkan penggunaan kenderaan peribadi bagi mengurangkan pelepasan karbon khususnya di bandar-bandar besar terutamanya di Lembah Klang.

2. Sehingga Oktober 2023, jumlah terkumpul kenderaan bermotor adalah sebanyak 36,362,987 seperti pecahan berikut:

	<b>Jenis</b>	<b>Aktif</b>	<b>Tidak Aktif</b>	<b>Jumlah</b>
Kenderaan Persendirian	Motosikal	8,487,976	8,285,136	16,773,112
	Motokar	14,239,758	3,005,220	17,244,978
Kenderaan Perkhidmatan Awam	Bas	24,420	39,601	64,021
	Teksi	27,618	57,127	84,745
	Kereta Sewa Pandu Sendiri	28,403	1,915	30,318
	Kenderaan Barang	837,778	591,625	1,429,403
	Lain-Lain Kenderaan	176,370	560,040	736,410
	<b>Jumlah</b>	<b>23,822,323</b>	<b>12,540,664</b>	<b>36,362,987</b>

3. Kenderaan tidak aktif adalah kenderaan yang tidak memperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM) lebih 3 tahun. Kenderaan aktif adalah kenderaan yang mempunyai tempoh sah laku LKM yang masih berkuatkuasa atau yang mempunyai sejarah pembaharuan LKM dalam tempoh 3 tahun.

4. Terdapat beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan bagi menggalakan penggunaan pengangkutan awam seperti:

- i) menawarkan pelbagai jenis produk seperti Pas Bulanan Tanpa Had My50 bagi memenuhi keperluan penumpang melalui Prasarana; dan
- ii) menawarkan Pas Perjalanan Percuma untuk OKU dan pelajar sekolah bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan KTM Komuter.

5. Dalam masa beberapa tahun lagi, rangkaian rel di Lembah Klang/ Kuala Lumpur akan dilebarkan. Projek MRT Putrajaya (MRT2) sejauh 57.1 km telah beroperasi pada 16 Mac 2023. Manakala projek LRT3 sejauh 37.6 km pula dijangka siap sepenuhnya menjelang November 2024. Selain itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665 km yang merupakan projek rel yang akan menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan dijangka siap pada penghujung tahun 2026.

6. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga sedang dalam pertimbangan pelaksanaan Projek MRT3 yang merupakan sebuah laluan lingkaran meliputi perimeter luar bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagian kawasan berpenduduk padat di kawasan Ampang Jaya, Selangor. MRT 3 dirancang dengan laluan sepanjang 51km di mana 39 kilometer terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 12 kilometer terletak di Selangor. Laluan lingkaran ini akan merentasi rangkaian rel

sedia ada, termasuk laluan MRT1, MRT2, LRT, Monorel dan KTM Komuter untuk membentuk 10 buah stesen pertukaran (*interchange station*) baharu supaya sistem rangkaian pengangkutan awam di Lembah Klang ini lebih menyeluruh, berkesinambungan dan efisien.

7. Selain itu, Kementerian Pengangkutan sentiasa melaksanakan kerjasama strategik bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain pihak berkepentingan ke arah memudah cara penggunaan kenderaan mikromobiliti apabila semua infrastruktur dan kemudahan telah disediakan oleh PBT. Salah satu inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah Program Medan Uji Regulatori Negara Untuk Mikromobiliti dan Hari Keselamatan Kenderaan Mikromobiliti Peringkat Kebangsaan 2023 pada 12 Mac 2023 yang lalu dengan kerjasama PBT di Selangor. Program ini merupakan medan uji pertama yang dilaksanakan untuk pengoperasian kenderaan mikromobiliti.

8. Di bawah program ini, mana-mana PBT yang telah membangun dan mempunyai infrastruktur laluan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan mematuhi Garis Panduan Perancangan Laluan Kenderaan Mikromobiliti yang telah dibangunkan oleh KPKT melalui agensinya PLANMalaysia, boleh mengemukakan permohonan untuk melaksanakan fasa pengujian atau pilot untuk pengoperasian dan penggunaan kenderaan mikromobiliti di lokasi yang ditetapkan. Semua input, maklum balas, hasil dapatan dan pengajaran daripada fasa pengujian ini akan digunakan dalam mengemaskini dan memuktamadkan peraturan penggunaan kenderaan mikromobiliti yang selamat di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' SRI TI LIAN KER** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pertimbangan Kementerian dalam merangka semula polisi pemilikan tanah yang lebih telus di Kampung Baru Cina khusus demi keadilan para penduduk dan berapakah jumlah permohonan pemilikan kekal oleh penduduk yang telah diluluskan sehingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai 2 atau Senarai Negeri memperuntukkan bahawa segala hal ehwal dalam pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh yang demikian, semua perkara-perkara melibatkan pemilikan kekal tanah adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Walau bagaimanapun, KPKT kini dalam perancangan untuk membangunkan halatuju baharu Pelan Pembangunan Kampung Baru Cina. Pembangunan halatuju baharu ini akan dibincangkan secara menyeluruh dengan pihak-pihak berkepentingan melalui sesi libat urus secara berperingkat seperti Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP). Dalam perancangan pembangunan ini, antara perkara yang akan diteliti adalah berkenaan isu-isu pemilikan tanah di Kampung Baru Cina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK RAZALI BIN IDRIS** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan intervensi dan kajian dapatan untuk mempertingkatkan taraf hidup nelayan hasil bantuan kerajaan setiap tahun dalam belanjawan menerusi pemberian subsidi dan insentif elaun sara hidup, hasil tangkapan nelayan, penyediaan pukot dan bot serta pembinaan baharu termasuk membaik pulih rumah nelayan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara pelan intervensi yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam membantu golongan nelayan adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan program-program bantuan seperti:
  - a) Program Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN)
  - b) Program Peningkatan Pendapatan – Insentif / Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan (*Touch Point*)
  - c) Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN)
  - d) Program Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI)
  
- (ii) Mewujudkan pangkalan data yang terkini bagi mengenal pasti individu yang layak dan tidak layak untuk menerima bantuan;
  
- (iii) Menjalankan kerjasama strategik dengan agensi yang berkaitan untuk aktiviti penyaluran bantuan, pemantauan dan penguatkuasaan; dan
  
- (iv) Menyemak semula dasar dan program bantuan kepada nelayan supaya pelaksanaan pemberian bantuan boleh ditambahbaik

Kajian dan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) **Kajian Impak Keberkesanan Dasar dan Program Bantuan Kerajaan** kepada Masyarakat Nelayan di Malaysia yang telah dilaksanakan pada tahun 2022. Ia bertujuan untuk menilai keberkesanan impak dasar dan program Kerajaan kepada masyarakat nelayan di Malaysia khususnya sewaktu negara berada dalam PKP 1.0. Laporan kajian ini menunjukkan bahawa Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) antara bantuan yang sangat memuaskan dari segi penilaian selain daripada Program Insentif hasil Tangkapan Nelayan (IHTI) dan bantuan *Touch Point*. Bantuan-bantuan seperti ESHN, Penempatan Semula Nelayan (PSN) dan *touch point* sangat memberi kesan positif dalam meringankan beban kewangan nelayan dan keperluan untuk menangkap ikan dari semasa ke semasa;
- (ii) **Banci Sosio-Ekonomi Nelayan dan Data Isi Rumah Ke-3 (Census Sendi 3)** yang merupakan salah satu bancian yang dijalankan secara berkala oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan dijalankan setiap 5 hingga 8 tahun sekali. Hasil Bancian *Census SENDI* juga menjadi salah satu pangkalan data penting yang menjadi asas untuk perancangan program-program pembangunan termasuk program-program bantuan Kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup nelayan dan juga industri perikanan negara; dan

**(iii) Kajian Impak Pelaksanaan Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN)**

Berdasarkan Laporan Kajian Impak Pelaksanaan PKPN yang dijalankan pada 2018 ke atas penerima faedah iaitu nelayan laut, purata indeks kesejahteraan semasa berbanding lima (5) tahun terdahulu menunjukkan peningkatan daripada 49.8% kepada 60.2%. Ini menunjukkan impak yang positif daripada penerima faedah program PKPN yang telah menerima bantuan dari pelbagai aspek seperti pengaliran udara dan pencahayaan, kemudahan bekalan elektrik, keselesaan rumah dan kemudahan tandas yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI AZIZ BIN ARIFFIN**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK HAJI AZIZ BIN ARIFFIN** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua universiti memberikan kelonggaran pembayaran penuh yuran pendaftaran terhadap siswa baharu memandangkan kos kemasukan ke institusi tersebut serta harga barangan keperluan yang semakin meningkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Belanjawan 2024 beliau pada 13 Oktober 2024 lalu, agar semua Universiti Awam (UA) bertindak lebih proaktif dan lebih insani dalam membantu urusan pembayaran yuran kemasukan pengajian dan tidak menghalang pendaftaran pengajian mereka disebabkan faktor kemiskinan.
2. Dalam hal ini, semua Universiti Awam (UA) telah diarahkan untuk menghadkan yuran pendaftaran pelajar sehingga RM1,500 sahaja mulai Januari 2024.
3. Ini bagi membolehkannya selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) yang berjumlah RM1,500 kepada semua bakal pelajar baharu yang layak.
4. Jumlah RM1,500 adalah yuran kemasukan di UA dan boleh dibahahagikan kepada pecahan seperti yuran pendaftaran, yuran orientasi, yuran kokurikulum dan yuran alumni dan ianya berbeza di setiap UA.
5. Dalam hubungan ini, pelajar hanya perlu membayar yuran penuh apabila telah menerima pembiayaan PTPTN atau mana-mana penajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN**  
**YAHAYA**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberikan elaun khas kepada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertaraf Gred 41 ke atas berikutan bebanan tugas mereka yang memerlukan komitmen yang sangat tinggi terutama bagi unit risikan dan siasatan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2009, apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) beroperasi sebagai sebuah badan yang ditransformasi daripada Badan Pencegah Rasuah (BPR), agensi ini telah bertindak mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Perubahan ini turut melibatkan perubahan struktur organisasi serta gaji dan emolument pegawai-pegawai SPRM. Emolument yang terlibat adalah Bayaran Insentif Pencegahan Rasuah (BIPR).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak daripada penubuhan SPRM sehingga kini elaun ini tidak pernah dikaji semula walaupun terdapat perubahan beban kenaikan kos sara hidup, beban tugas yang semakin bertambah serta kepercayaan rakyat terhadap SPRM yang semakin ketara. Kepentingan penambahan BIPR sedang dalam kajian dimana antara lain faktor yang harus dipertimbangkan adalah ruang lingkup siasatan SPRM kini melebar termasuk jenayah rentas sempadan (*transnational crime*) yang mana berdepan dengan pelbagai cabaran dan memerlukan kerjasama antara negara dan agensi penguatkuasa di peringkat antarabangsa.

3. Dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai penyiasat SPRM, seharusnya bayaran gaji dan elaun haruslah seiring. Peranan dan tanggungjawab membanteras rasuah di Malaysia selaras dengan dasar kerajaan “Membangun Masyarakat Madani” memang sudah jelas sebagai suatu yang kompleks, mencabar dan amat berat. Kejayaan mengawal gejala rasuah di dalam negara ini bukan sahaja bergantung kepada dasar dan komitmen Kerajaan, tetapi juga bergantung kepada komitmen dan dedikasi pegawai-pegawai SPRM sendiri. SPRM kini sedang menyiapkan kertas kajian untuk pertimbangan kerajaan bagi membentangkan kadar baru BIPR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' HUSAIN BIN AWANG** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk mengurangkan hutang atau defisit negara selain daripada meningkatkan Cukai Perkhidmatan serta memperkenalkan Cukai Barangan Bernilai Tinggi seperti yang dinyatakan dalam pembentangan Belanjawan 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dasar fiskal Kerajaan kekal responsif dengan menyediakan peruntukan secukupnya terutamanya bagi tujuan perbelanjaan pembangunan dan program yang bermanfaat kepada rakyat demi menyokong momentum pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat tanpa menjejaskan disiplin fiskal. Dalam Belanjawan 2024, Kerajaan mensasarkan defisit fiskal lebih rendah kepada 4.3 peratus daripada KDNK berbanding 5 peratus pada 2023 tanpa menjejaskan peruntukan pembangunan dan kebajikan rakyat.

Selari dengan komitmen Kerajaan ke arah konsolidasi fiskal, Kerajaan juga bertekad untuk mengurangkan nisbah hutang kepada KDNK di bawah 60% secara beransur-ansur dalam tempoh jangka masa sederhana seperti yang ditetapkan dalam Rang Undang-Undang Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) yang telah diluluskan Dewan Rakyat pada 11 Oktober 2023 yang lalu. Oleh itu, antara strategi pengurusan hutang Kerajaan sebagai langkah dalam usaha mengurangkan paras hutang yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Program pinjaman bagi membiayai defisit tahunan yang mengutamakan sumber pasaran modal tempatan untuk meminimumkan pendedahan kepada risiko tukaran mata wang asing;

## NO SOALAN: 19

- b) Memastikan pematuhan kepada pelan konsolidasi fiskal bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara;
- c) Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan di mana perbelanjaan mengurus perlu dibiayai melalui hasil negara dan Kerajaan sentiasa mempunyai lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- d) Mengawal bayaran khidmat hutang agar berada pada paras terkawal dan tidak melebihi 15% daripada hasil; dan
- e) Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang.

Selain itu, beberapa inisiatif pembaharuan fiskal selain FRA juga akan dilaksanakan seperti Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS); dan semakan semula perbelanjaan awam bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan. Kerajaan juga telah mengumumkan pengenalan Akta Perolehan Kerajaan selari dengan reformasi tatakelola dalam perolehan Kerajaan.

## **NO SOALAN: 19**

Selain meningkatkan Cukai Perkhidmatan serta memperkenalkan Cukai Barangan Bernilai Tinggi seperti yang dinyatakan dalam pembentangan Belanjawan 2024, Kerajaan akan menguatkuasakan pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat tempatan berdasarkan keuntungan bersih pada kadar 10 peratus mulai 1 Mac 2024. Kerajaan turut mempertimbangkan pengecualian Cukai Keuntungan Modal ke atas pelupusan saham berkaitan aktiviti tertentu seperti Initial Public Offering (IPO) yang diluluskan, penstrukturan dalaman dan syarikat modal teroka tertakluk kepada syarat ditetapkan.

Oleh itu, Kerajaan yakin pelaksanaan semua strategi dan inisiatif pembaharuan fiskal serta langkah reformasi percukaian bagi meluaskan asas hasil bagi menambah pendapatan negara dan pada masa yang sama tidak membebankan majoriti rakyat ini akan dapat menyokong pelan konsolidasi fiskal bagi mengukuhkan kedudukan kewangan awam dan mengurangkan paras hutang negara dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.**  
**IBRAHIM**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat inisiatif daripada Kementerian untuk menambah baik sukatan pelajaran subjek Pendidikan Seks dengan memasukkan elemen terkini dengan perkembangan teknologi dan kecanggihan kecerdasan buatan iaitu AI (Artificial Intelligence).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan elemen berkaitan pendidikan seksualiti khususnya melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan sejak tahun 1989 di sekolah menengah dan pada 1994 di sekolah rendah. Istilah 'Pendidikan Seks' tidak digunakan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah bawah KPM untuk mengelakkan pelbagai konotasi dalam kalangan masyarakat.

Istilah 'Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial' digunakan susulan daripada kelulusan Jemaah Menteri pada 20 Disember 2006 bagi menggantikan istilah yang digunakan sebelum ini. Istilah merujuk kepada 'pendidikan seks' yang digunakan oleh KPM adalah:

- i. Pendidikan Kesihatan Keluarga (1989 - 2002)
- ii. Pendidikan Seksualiti (2003 - 2005)
- iii. Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (2006 - kini).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial atau singkatannya 'PEERS' bukan hanya terbatas kepada isu seksual atau hubungan seksual semata-mata tetapi merupakan satu proses sepanjang hayat untuk memperoleh pengetahuan dan membentuk sikap, nilai serta kepercayaan terhadap identiti, perhubungan dan keintiman sesama insan. Kurikulum Pendidikan Kesihatan berasaskan kemahiran (Skills-Based Health Education) merangkumi bidang PEERS ini memberi fokus kepada kemahiran kecekapan psikososial untuk membolehkan murid mengekalkan gaya hidup sihat melalui pelbagai pengalaman pembelajaran sepanjang hayat.

KPM sentiasa proaktif dan cakna terhadap keperluan PEERS bagi murid. Satu garis panduan PEERS kebangsaan sedang dimuktamadkan dan akan dilancarkan untuk advokasi dan kegunaan semua lapisan masyarakat termasuk ibu bapa dan lain-lain pemegang taruh. Selain itu, KPM memberikan pendidikan secara menyeluruh kepada semua murid selaras dengan perkembangan serta kecanggihan teknologi kini termasuk kecerdasan buatan iaitu AI (Artificial Intelligence).

Dalam menghadapi ledakan teknologi masa kini, KPM berusaha untuk memastikan teknologi digunakan dengan sebaiknya bagi murid menguasai pengetahuan, memperkasa kemahiran dan memupuk nilai yang dihasratkan. Sebagai contoh, kandungan visual yang dijana AI atau seperti video animasi atau simulasi interaktif, boleh membantu menerangkan konsep biologi atau topik sensitif dengan cara yang mesra kanak-kanak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bahan-bahan ini telahpun disediakan dalam platform pembelajaran KPM iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa). Melalui platform ini aplikasi AI yang terbina di dalam DELIMa akan membantu menjana kandungan bahan PEERS berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif dan kesesuaian peringkat umur kumpulan sasaran yang mencakupi pengetahuan dari aspek biologikal, sosiobudaya, psikologikal dan kerohanian ke arah amalan tingkah laku yang sihat dalam kehidupan.

Selain itu, Silibus PEERS sentiasa dikemas kini termasuk memasukkan kemahiran menangani isu keselamatan siber yang semakin berkembang dalam konteks kehidupan digital masyarakat kini.

## NO SOALAN: 20

KPM juga turut bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam mendepani cabaran dunia digital termasuk memastikan isu prevalens seksual dalam kalangan murid dapat ditangani secara efektif. Bahan sokongan kurikulum PEERS berkaitan aspek keselamatan siber bagi mendepani perkembangan teknologi dan kecanggihan kecerdasan buatan iaitu AI (Artificial Intelligence) dihasilkan untuk memperkasakan murid dengan kemahiran keselamatan siber. Keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan PEERS memerlukan penggembleran usaha daripada semua lapisan masyarakat secara pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society*.

Sekian, terima kasih.

➤ **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

KPM turut bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam mendepani cabaran dunia digital termasuk memastikan isu prevalens seksual dalam kalangan murid dapat ditangani secara efektif. Bahan sokongan kurikulum PEERS berkaitan aspek keselamatan siber bagi mendepani perkembangan teknologi dan kecanggihan kecerdasan buatan iaitu AI (Artificial Intelligence) dihasilkan untuk memperkasakan murid dengan kemahiran keselamatan siber. Keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan PEERS memerlukan penggemblengan usaha daripada semua lapisan masyarakat secara pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN  
YUSOF  
TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF** minta **MENTERI  
PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

1. Berapakah bilangan perpustakaan desa di Kelantan dan berapakah yang lengkap dengan kemudahan prasarana digital?; dan
2. Apakah program-program yang dilaksanakan oleh perpustakaan desa dalam meningkatkan perpaduan, jati diri dan semangat cintakan negara?

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan rakyat bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur termasuk perkhidmatan perpustakaan khususnya di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, sejak dari tahun 1991 hingga 2023, kerajaan telah membina sebanyak **1,080 buah perpustakaan desa** di seluruh negara seperti berikut:
  - **574 buah Perpustakaan Desa** telah dibina bawah Peruntukan Pembangunan (RMKe-6 hingga RMKe-8) yang ditadbir urus oleh **Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan Pihak Berkuasa Tempatan**
  - **506 buah Perpustakaan Desa** telah dibina bawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus **Kerajaan Persekutuan**.
2. Sehingga Oktober 2023, jumlah **perpustakaan desa di bawah pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di negeri Kelantan adalah sebanyak 34 buah** manakala tiga **(3) buah Perpustakaan Desa adalah di bawah pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan**.
3. Semua 34 buah Perpustakaan Desa PNM di negeri Kelantan telah dilengkapi dengan kemudahan internet/Wi-Fi berkelajuan 100mbps dan satu (1) unit komputer beserta pencetak sejak

tahun 2022. Perkhidmatan Perpustakaan Desa di seluruh negara diberikan secara percuma kepada masyarakat/pengguna perpustakaan bagi menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

4. Tujuan penubuhan Perpustakaan Desa adalah sebagai sebuah prasarana atau kemudahan bagi menyokong pembangunan pendidikan, pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan desa itu sendiri. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh perpustakaan desa dalam meningkatkan perpaduan, jati diri dan semangat cintakan negara seperti berikut:
- (i) Semarak Merdeka Bersama Komuniti;
  - (ii) Program Sambutan Ambang Kemerdekaan;
  - (iii) Larian Semarak Kemerdekaan Bersama Komuniti;
  - (iv) Kuiz Kenali Tokoh Tempatan;
  - (v) Pertandingan dan Perarakan Basikal Berhias;
  - (vi) Pertandingan "Cintai Negara" @PD (Perpustakaan Desa);
  - (vii) Kuiz Hari Malaysia;
  - (viii) Program Jom Baca@Chadak;
  - (ix) Majlis sumbangan buku kepada Perpustakaan Komuniti Kg Santubong sempena Program Berambah: Santuni Warisan Kita; dan
  - (x) Hari Terbuka Perpustakaan Desa Kg Sg Asap, Belaga, Sarawak sempena pelancaran sudut bacaan di Rumah Panjang Belor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK PAUL IGAI** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kriteria yang mesti dipenuhi syarikat MyAirline untuk mendapatkan lesen perkhidmatan udara (ASL) dan mengapa operasi syarikat itu diberhentikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah meluluskan Lesen Perkhidmatan Udara – *Air Service Licence* (ASL) MYAirline untuk tempoh dua belas (12) bulan mulai 15 November 2022 hingga 14 November 2023 manakala Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) pula telah meluluskan Perakuan Pengendali Udara – *Air Operator Certificate* (AOC) dari 1 Oktober 2022 hingga 30 September 2023. AOC ini telah diperbaharui oleh CAAM untuk tempoh dua tahun sehingga 30 September 2025.
2. Asas pemberian kelulusan Lesen Perkhidmatan Udara (*Air Services Licence – ASL*) telah mengambil kira perancangan perniagaan dan kemampuan syarikat dari aspek komersial dan kewangan seperti mana yang telah dikemukakan kepada pihak MAVCOM pada bulan Oktober 2022.
3. Pemberian lesen tersebut telah melalui penilaian yang teliti dan menyeluruh yang merangkumi penilaian unjuran pasaran di peringkat global, serantau, dan domestik serta penilaian kebolehlaksanaan cadangan pelan perniagaan, daya maju kewangan perniagaan, serta permintaan perkhidmatan udara bagi laluan-laluan yang dicadangkan.
4. Di samping itu, kelayakan dan kesesuaian (*Fit and Proper Assessment*) serta pengalaman Ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan syarikat turut dinilai untuk menentukan kompetensi serta kemampuan dalam mengendalikan syarikat penerbangan.

5. Semasa kelulusan ASL diberikan kepada MYAirline, MAVCOM turut mensyaratkan supaya syarikat tersebut memiliki ekuiti positif yang boleh menampung operasi syarikat sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga (3) ke enam (6) bulan berdasarkan cadangan pelan perniagaan yang dikemukakan. Berdasarkan penilaian MAVCOM pada ketika itu, syarikat dan pemegang saham mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh untuk memulakan operasi penerbangan seperti yang telah dirancang.

6. Untuk makluman Yang Berhormat, proses kelulusan ASL syarikat MyAirline telah melalui penilaian di beberapa peringkat di MAVCOM iaitu di peringkat pengurusan oleh Jabatan Pembangunan Penerbangan, peringkat jawatankuasa oleh Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Perlesenan dan Hak Trafik Udara, Jawatankuasa Persaingan dan Ekonomi, dan Jawatankuasa Peraturan, Perundangan dan Pertikaian sebelum diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya MAVCOM.

7. Bagi maksud pengeluaran pembaharuan Perakuan Pengendali Udara (*Air Operator Certificate-AOC*) oleh CAAM bagi tempoh 1 Oktober 2022 hingga 30 September 2023, setelah melaksanakan pemeriksaan audir teknikal terhadap syarikat pada 29 Mei 2023 hingga 1 Jun 2023, CAAM telah meluluskan pembaharuan AOC kepada syarikat MyAirline untuk tempoh 2 tahun bermula 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2025.

8. Pemeriksaan audit teknikal CAAM juga dilaksanakan dengan teliti dan cermat sepertimana piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh International Civil Aviation Organisation. Pemeriksaan audit tersebut adalah bagi menilai kapasiti dan kecekapan dalam aspek pengangkutan udara komersial, operasi dan kelayakan terbang.

9. Antara aspek-aspek yang dinilai adalah sistem pengurusan dan organisasi, penyelenggaraan dan kelayakan terbang, keselamatan dan operasi kabin. Di samping itu, aspek kewangan juga telah dimasukkan sebagai salah elemen audit yang dijadikan sandaran ke atas kemampuan syarikat untuk beroperasi dengan selamat. Dalam hubungan ini, berasaskan laporan audit yang dibuat pada 29 Mei 2023 hingga 1 Jun 2023 tersebut, pihak CAAM berpuas hati dan telah memperbaharui AOC tersebut.

10. Selepas memulakan operasi penerbangan pada 1 Disember 2022, kos operasi MYAirline telah meningkat disebabkan oleh kenaikan mendadak nilai mata wang Dollar Amerika Syarikat (USD) berbanding dengan Ringgit Malaysia iaitu dari RM 4.30/USD seperti yang diunjurkan dalam pelan perniagaan MYAirline berbanding nilai USD sebenar iaitu RM 4.68/USD pada bulan September 2023. Kebanyakan transaksi MYAirline adalah dalam mata wang USD, termasuk bayaran pajakan pesawat (*aircraft lease*) dan bahan api (*jet fuel*) yang juga telah mengalami peningkatan dari USD 113 setong (*per barrel*) hingga mencapai USD 131 setong.

11. Berasaskan analisa yang dilakukan oleh pihak MAVCOM berkenaan operasi dan kewangan MYAirline pada 3 Oktober 2023, syarikat penerbangan tersebut tidak menunjukkan tanda-tanda masalah kewangan yang meruncing sehingga boleh menyebabkan penggantungan operasi. Ini dapat dilihat antara lainnya, daripada aspek penjadualan semula penerbangan yang minima dan bayaran balik kepada pengguna yang disempurnakan dalam masa yang ditetapkan. Malah, MYAirline turut mempunyai rancangan untuk memperluaskan

operasinya kepada 12 pesawat dari 8 pesawat menjelang akhir tahun 2023.

12. MYAirline telah memaklumkan kepada pihak MAVCOM pada 9 Oktober 2023 bahawa pihak syarikat sedang memuktamadkan penjualan saham kepada pelabur baharu dalam dan luar negara. Namun sehingga pembatalan operasinya, MYAirline masih belum berjaya memuktamadkannya. Kedudukan ini memberi implikasi kepada syarikat untuk membiayai operasi harian. Sehubungan dengan itu, pihak syarikat telah mengambil keputusan untuk menggantung operasinya secara sertamerta tanpa memberi sebarang notifikasi awal kepada pihak Kementerian serta agensi-agensi kawal selia dan penumpang-penumpangannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah latihan yang diberikan kepada renjer hutan sebelum mereka berkhidmat dan kelengkapan yang akan diberikan untuk menjaga keselamatan diri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) terlibat dalam menyediakan latihan perhutanan untuk melahirkan tenaga kerja yang unggul melalui program- program komprehensif dan bersepadu di bawah Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN).
2. FORTRAIN menawarkan dua bentuk kursus perhutanan, iaitu Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH) dengan tempoh pengajian selama dua (2) tahun dan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) dengan tempoh pengajian selama satu (1) tahun.
3. Pelatih KSPRH di FORTRAIN diberi pendedahan kepada subjek dalam bidang perhutanan seperti Pengenalan Pokok (Dendrologi/ Botani), Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, Pengecaman Kayu, Biodiversiti Hutan, Survei Hutan, Penguatkuasaan Hutan, Silvikultur, Ekopelancongan, Pengucapan Awam dan lain-lain subjek yang ditetapkan. Selain itu, pelatih KSPRH juga wajib mengikuti beberapa kursus yang menjadi pra syarat wajib seperti Latihan Ala Tentera (LAT), Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LKKP), Latihan Ikhtiar Hidup (LIH) dan Latihan Teknikal Perhutanan (LTP).

4. JPSM sentiasa memberi keutamaan kepada keselamatan para pelatih dengan membekalkan kelengkapan peralatan keselamatan, peralatan kerja yang lengkap seperti helmet, kasut, pakaian yang sesuai dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal laman-laman pornografi di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] memperuntukkan kesalahan bagi penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dan lain-lain bagi membuat, mewujudkan, meminta-minta dan memulakan penghantaran kandungan yang lucah, sumbang, palsu, mengancam dan jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain.

Peruntukan Seksyen 233 Akta 588 ini adalah terpakai dalam usaha pihak Kerajaan untuk mengawal laman-laman pornografi dan lucah di Malaysia. Bagi tempoh antara tahun 2018 sehingga 15 November 2023, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melaksanakan tindakan sekatan ke atas 7,097 laman pornografi dan lucah. Tindakan ini akan diteruskan oleh MCMC dari semasa ke semasa dan berasaskan pemantauan serta aduan yang diterima.

Selain daripada laman-laman pornografi, MCMC juga menyusuli tindakan menangani penyebaran kandungan lucah atau pornografi di platform media sosial. Tindakan penurunan kandungan disusuli oleh MCMC dengan kerjasama platform media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, Telegram, Tik Tok dan lain-lain. Dalam tempoh 1 Januari 2023 sehingga 15 November 2023, sejumlah 575 kandungan berunsur lucah telah diturunkan.

## NO SOALAN: 24

MCMC juga giat mengadakan program-program advokasi pengguna dan kempen kesedaran di seluruh negara melalui program Klik dengan Bijak (KDB) dan inisiatif Sukarelawan ICT Malaysia [*Malaysia ICT Volunteer* (MIV)] yang memberi latihan kemahiran kepada golongan pelindung remaja dan kanak-kanak secara amnya iaitu orang muda, ibu bapa dan penjaga, pendidik dan orang dewasa. Bagi mengupayakan golongan ibu bapa mahupun penjaga dalam mengawal selia penggunaan kemudahan komunikasi oleh anak-anak mereka, MCMC telah bekerjasama dengan lima penyedia perkhidmatan di Malaysia iaitu CelcomDigi, UMobile, Maxis, Telekom Malaysia (TM) dan TIME dalam menyediakan kemudahan yang dikenali sebagai *Parental Control Tools*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani isu kekurangan nutrisi dalam kalangan kanak-kanak yang berusia lima tahun dan ke bawah yang dilaporkan mengalami kekurangan nutrisi yang sederhana dengan peningkatan sebanyak 0.1 peratus iaitu dari 1.3 peratus pada 2021 ke 1.4 peratus pada 2022, seperti mana dinyatakan di dalam Statistik Kanak-Kanak Malaysia 2023 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM amat mengambil serius status pemakanan kanak-kanak bawah 5 tahun sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat iaitu terdapat peningkatan peratus kanak-kanak bawah 5 tahun yang mengalami kekurangan zat makanan bagi tahun 2021 dan 2022. Untuk makluman Yang Berhormat, data ini adalah berdasarkan kedatangan baharu kanak-kanak bawah 5 tahun di klinik kesihatan KKM dan ia tidak mewakili status bagi populasi kanak-kanak bawah 5 tahun keseluruhannya di Malaysia.
2. KKM melalui Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak sentiasa memantau secara berkala status kesihatan dan pemakanan kanak-kanak yang hadir ke klinik kesihatan. Kanak-kanak berumur bawah 5 tahun yang hadir ke klinik kesihatan akan diambil ukuran berat, panjang atau tinggi, dan dibuat pemeriksaan kesihatan. Mereka yang dikesan mengalami masalah kesihatan dan berisiko/ atau mengalami masalah kekurangan atau berlebihan berat badan dirujuk kepada anggota kesihatan yang berkaitan sebagai intervensi awal. Kanak-kanak yang kekurangan zat makanan daripada keluarga yang berpendapatan rendah akan didaftar ke Program Pemulihan Kanak-kanak Kurang Zat Makanan bagi meningkatkan status pemakanan mereka. Dalam masa yang sama, aktiviti advokasi dan tunjuk ajar pemakanan bayi dan kanak-kanak yang disasarkan kepada ibu bapa atau penjaga turut dilaksanakan di klinik kesihatan, komuniti serta platform media.

3. Namun, harus kita sedari bahawa status pemakanan kanak-kanak sangatlah dipengaruhi oleh penyediaan dan pemberian makanan di rumah oleh ibu bapa/penjaga dan juga tahap ketahanan terhadap jangkitan penyakit. Oleh itu, adalah penting pertumbuhan dan pemakanan kanak-kanak sentiasa dipantau oleh ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga.
  
4. Langkah bagi menangani isu masalah kekurangan zat makanan ini diperkukuhkan dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh 16 ahli Jemaah Menteri dan Pengurusan Tertinggi daripada pelbagai Kementerian serta Jabatan dan agensi yang berkaitan. Antara terma rujukan Jawatankuasa Khas ini adalah memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak Malaysia, 2023-2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MUSODDAK BIN AHMAD**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN MUSODDAK BIN AHMAD** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membentangkan undang-undang bagi menangani kes perjudian dalam talian yang semakin berleluasa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan berperanan untuk mengawal selia aktiviti perjudian berlesen di Malaysia meliputi permainan meja dan mesin perjudian, pertaruhan nombor ramalan (NFO) dan juga pengendali / peniaga mesin perjudian dan meja perjudian.

Kementerian Kewangan mengambil maklum mengenai kes perjudian dalam talian (*online*) yang semakin berleluasa di Malaysia. Sehubungan itu, Kementerian ini sedang membuat semakan secara menyeluruh ke atas akta perjudian yang sedia ada untuk memastikan kawal selia ke atas aktiviti perjudian dapat dilaksanakan secara komprehensif.

Dengan adanya perundangan yang baharu ini kelak diharapkan Kerajaan akan dapat menguatkuasa dan mengawal selia aktiviti perjudian berlesen dan perjudian dalam talian (*online*) secara lebih menyeluruh.

Kerajaan sangat menggalakkan kerjasama dari semua pihak untuk menyalurkan sebarang maklumat berkenaan aktiviti perjudian haram terus kepada agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk diambil tindakan sewajarnya. Kerjasama dari setiap lapisan masyarakat untuk membanteras aktiviti perjudian haram diharap dapat membendung kegiatan perjudian haram secara lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN**  
**SAMY VELLU**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan membantu penumpang-penumpang yang telah ditipu oleh pihak MyAirline atau pun hanya membiarkan penumpang berhubung terus dengan pihak MyAirline dan bank-bank yang terlibat sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, MYAirline Sdn. Bhd. (MYAirline) telah menggantung operasinya pada 12 Oktober 2023. Susulan daripada itu, Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah menubuhkan satu Pasukan Petugas bagi menangani isu-isu berkaitan bayaran balik kepada pengguna yang terjejas. Dalam hubungan ini, MAVCOM akan memastikan semua aduan terhadap MYAirline diambil tindakan dan diselesaikan seperti yang ditetapkan di bawah Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, MACPC).

2. Berdasarkan Perenggan 12 MACPC, para penumpang yang terjejas hendaklah ditawarkan bayaran balik (*refund*) dalam masa 30 hari pada harga yang dibeli termasuk cukai dan fi, bagi sebahagian atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilaksanakan.

3. Pihak MAVCOM juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak Bank Negara Malaysia berkenaan isu pembayaran balik kepada pelanggan yang terjejas dalam hal ini. Dalam hal ini, pihak Bank Negara Malaysia telah mengesahkan bahawa bagi penumpang yang telah membeli tiket melalui kad kredit, kad debit dan “*direct debit*” (FPX), penumpang boleh menuntut pembayaran balik melalui proses caj balik (*chargeback*) dengan menghubungi bank atau pengeluar kad debit atau kad kredit mereka.

4. Di samping itu juga, bagi pengguna yang membeli tiket penerbangan dengan ejen pelancongan dan ejen pelancongan dalam talian, bayaran balik adalah tertakluk kepada terma dan syarat tiket penerbangan yang ditempah melalui ejen pelancongan. Bagi penumpang yang telah membeli insurans perjalanan MYAirline, penumpang boleh menyemak dengan Zurich Malaysia, penyedia insurans perjalanan MYAirline mengenai terma dan syarat insurans perjalanan yang telah dibeli. Zurich Malaysia juga menawarkan pembayaran muhibah bagi mereka yang telah membeli insurans perjalanan dengan mereka.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, MAVCOM sedang membangunkan soalan lazim mengenai proses caj balik bagi bayaran balik tiket penerbangan untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengguna MYAirline yang terjejas.

6. Selain itu, terdapat sebanyak 2,985 pelajar yang telah menerima baucar digital daripada MYAirline di bawah inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam bagi laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan sedang menyelaras semula maklumat syarikat penerbangan yang dipilih oleh pelajar dalam sistem permohonan bantuan tersebut bagi membolehkan pelajar memohon baucar digital daripada syarikat penerbangan lain iaitu Malaysia Airlines (termasuk MASwings dan FireFly), AirAsia dan Batik Air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang pendekatan dalam merangka subjek teras (kurikulum) khusus untuk pengajian berkaitan demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan di peringkat sekolah menengah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, penerapan pendekatan holistik telah menjadi fokus utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merangka subjek teras atau kurikulum di peringkat sekolah menengah, khususnya dalam aspek pengajian berkaitan demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan.

Pendekatan ini diwujudkan melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang merangkumi mata pelajaran Sejarah dan Pendidikan Moral serta elemen Pendidikan Sivik yang dilaksanakan secara sisipan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Penerapan konsep demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan bermula dari sekolah rendah, membolehkan murid memahami asas-asas demokrasi, pemerintahan institusi beraja, identiti negara Malaysia, kemerdekaan dan pembentukan negara Malaysia.

Pada peringkat sekolah menengah, penerapan konsep demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan diperkukuhkan dengan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai pembinaan negara, perlembagaan, pilihan raya dan prosesnya. Ini bertujuan untuk memastikan murid memahami peranan mereka sebagai warganegara yang bertanggungjawab dalam mengekalkan keharmonian dan kestabilan pemerintahan negara.

Dalam konteks KSSM, KPM memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah membentuk warganegara yang mempunyai sikap bertanggungjawab, hormat menghormati, berdaya tahan, mahir berkomunikasi, berprinsip, bermaklumat dan cinta akan negara. Perkara ini dilakukan melalui penyampaian pengetahuan, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan, nilai berkaitan dengan konsep demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan.

Penerapan nilai dalam kurikulum memberi penekanan kepada elemen demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, KPM melibatkan aktiviti kokurikulum seperti Kelab Malaysiaku dan Kelab Rukun Negara untuk memperkukuhkan PdP Sejarah berkaitan konsep demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan. Melalui aktiviti ini, murid memperoleh pendedahan praktikal tentang sistem demokrasi berparlimen, nilai Rukun Negara serta kefahaman tentang perlembagaan negara.

Terbaru, KPM menggalakkan penganjuran Minggu Solidariti Palestin di institusi pendidikan bawah KPM bermula pada 29 Oktober hingga 3 November 2023. Program ini bertujuan mendidik murid berkaitan nilai manusiawi yang turut merangkumi hak asasi manusia dan sifat ihsan termasuklah sifat keprihatinan terhadap penderitaan individu lain tanpa mengira bangsa, agama atau status sosial.

Selain itu, kerjasama dengan Jabatan Penerangan Malaysia dan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) turut menjadi aspek penting dalam penerapan konsep demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan. Melalui Kelab Malaysiaku dan Kelab Rukun Negara, murid tidak hanya memahami

konsep secara teori tetapi juga melalui aktiviti seperti Amalan Demokrasi Berparlimen, Mini Parlimen dan Bulan Kesedaran Perlembagaan. KPM juga berkerjasama dengan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dalam program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) yang bertujuan untuk memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam aspek demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan di institusi pendidikan di Malaysia.

Kepentingan penghayatan konsep demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan ditekankan dalam aktiviti tersebut untuk memastikan murid memahami betapa pentingnya peranan mereka sebagai warganegara dalam menjaga dan memperkasakan demokrasi negara. Pada tahap sekolah menengah, simulasi pilihanraya oleh Suruhanjaya Pilihanraya melalui Akademi Pilihanraya menjadi satu inisiatif yang memperkukuhkan kefahaman murid tentang proses pilihanraya sebagai persediaan untuk menjadi pengundi muda.

Di samping itu, kurikulum kita juga menekankan Pendidikan Kewarganegaraan Global dalam memupuk generasi muda berkaitan isu global semasa. Dunia sentiasa menyaksikan isu global yang berterusan dan memberi kesan kepada manusia sejagat. Pendidikan Kewarganegaraan Global boleh membantu murid-murid di sekolah untuk hidup bersama dalam suasana harmoni, bertanggungjawab membina rasa hormat dan empati kepada orang lain, boleh memberi inspirasi, serta mampu bertindak secara positif. KPM juga sentiasa memastikan sistem pendidikan kita selari dengan agenda pendidikan global khususnya Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti (SDG4).

## **NO SOALAN: 28**

Dengan pendekatan holistik ini, KPM tidak hanya menumpukan pada mata pelajaran tertentu tetapi juga melalui kokurikulum dan kerjasama luar untuk memastikan konsep demokrasi, kenegaraan, hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan diterapkan secara menyeluruh dalam pembentukan karakter dan pemikiran kritis murid. Inisiatif ini sejajar dengan matlamat KPM untuk melahirkan generasi murid yang tidak hanya cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga memahami, menghayati dan melibatkan diri secara aktif dalam pembentukan masa depan negara. Perkara ini juga akan diperkukuhkan lagi dalam penggubalan Kurikulum Persekolahan 2027.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK JOHN AMBROSE** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memperluaskan klinik kesihatan bergerak di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak dan berapakah bilangan klinik kesihatan bergerak yang sedia ada sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Setakat ini bilangan pasukan klinik bergerak mengikut Wilayah di Sabah dan Sarawak ialah:
  - (a) 100 pasukan di Wilayah Sarawak; dan
  - (b) 39 pasukan di Wilayah Sabah.
  
2. Sehingga September 2023, bilangan penduduk yang menerima kemudahan ini di kawasan luar bandar dan pedalaman di kedua-dua Wilayah tersebut ialah seramai:
  - (a) 59,594 orang dari 1099 lokaliti dalam Wilayah Sarawak; dan
  - (b) 40,673 orang dari 557 lokaliti dalam Wilayah Sabah.
  
3. Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan peluasan perkhidmatan klinik bergerak adalah tertakluk kepada keperluan setempat yang dirancang oleh Pejabat Kesihatan Daerah/ Pejabat Kesihatan Kawasan/ Pejabat Kesihatan Bahagian. Perancangan tersebut dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira keperluan sumber manusia, keperluan setempat, kenderaan, jarak lokasi dari fasiliti kesihatan dan jumlah populasi serta kebudayaan populasi di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD**  
**GHAFFAR**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFFAR** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan mengenai kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara ini dan apakah tindakan penguatkuasaan terhadap pendatang asing yang berniaga tanpa kebenaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia adalah tertakluk kepada dasar, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa. Hal ini termasuklah keperluan untuk memiliki dokumen perjalanan yang sah, mematuhi tempoh keberadaan yang dibenarkan serta pematuhan kepada syarat-syarat pas yang dikeluarkan.

Sebagai usaha untuk mengawal kemasukan warga asing ke negara ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui agensi-agensi penguatkuasaan di bawahnya seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Pasukan Polis Marin (PPM) serta Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bersiap siaga menambah baik prosedur menangani kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) melalui jalan laut mahupun sempadan darat dari semasa ke semasa. Antara lainnya langkah-langkah yang diambil oleh agensi penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- (i) memperkukuh kawalan dan pemantauan di sempadan dengan melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan bagi mengesan pencerobohan bot nelayan asing, cubaan untuk melakukan jenayah di maritim serta sempadan. Selain itu, tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/pejabat perwakilan Malaysia untuk negara-negara yang memerlukan visa turut dilaksanakan bagi mengenal pasti sama ada warga

asing berkenaan berada dalam senarai syak (*suspect list*) JIM;

- (ii) mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan secara komprehensif antara agensi-agensi penguatkuasaan bagi mengenal pasti sindiket-sindiket atau rangkaian sindiket penyeludupan migran di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan Akta Imigresen 1959/63;
- (iii) melaksanakan risikan dan siasatan antara agensi penguatkuasaan bagi mengenal pasti serta mengemaskini maklumat kawasan *hotspot* yang menjadi laluan sindiket dan pendaratan PATI; dan
- (iv) menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan pasukan sahabat agensi penguatkuasaan dari negara jiran yang memfokuskan kepada pelaksanaan tugas penguatkuasaan dan rondaan bersama, pegawai perhubungan yang boleh dihubungi bagi kawasan tanggungjawab yang berdekatan dengan sempadan antara negara, *rendezvous* (RV) atau pertemuan di perairan, *ship visit*, *video conference* bagi tujuan perkongsian dan pertukaran maklumat-maklumat risikan semasa dan kerjasama bagi melancarkan penugasan *Search and Rescue* (SAR). Kerjasama ini juga diwujudkan bagi memantapkan maklumat warga asing yang berisiko daripada memasuki negara.

## **NO SOALAN: 30**

Keberadaan warga asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak termasuklah rakyat negara ini. Penyaluran maklumat keberadaan PATI boleh dibuat melalui platform talian aduan PATI yang diwujudkan oleh JIM di talian 03-88801347 atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam JIM di laman web [imi.spab.gov.my](http://imi.spab.gov.my).

Tuan Yang di Pertua,

Isu warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan tumpuan awam seperti di pasar-pasar awam atau gerai-gerai sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan melalui kerjasama strategik antara KDN, JIM, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. Selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja di bawah PBT, kelulusan sewaan tapak pasar awam dan pengeluaran lesen hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja. Bagi penyewa tapak pasar yang menyewakan tapak kepada warga asing, PBT tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas dengan menarik semula sewaan tapak serta lesen perniagaan dibatalkan.

JIM secara khususnya turut melaksanakan Ops Belanja dan Ops Jaja bagi mengatasi isu permasalahan warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen atau bekerja secara tidak sah. Ops Belanja menyasarkan premis-premis antaranya seperti pasar mini atau pasar raya, kedai runcit dan kedai perabot. Bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 15 November 2023, seramai 3,223 orang PATI telah ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 melalui pelaksanaan Ops Belanja. Antara kesalahan-kesalahan yang direkodkan

## NO SOALAN: 30

adalah tiada dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa, salah guna pas dan melindungi PATI. Bagi tempoh yang sama, 663 orang PATI telah ditangkap semasa Ops Jaja yang menumpukan kawasan-kawasan seperti pasar malam, pasar tani, pasar borong dan gerai-gerai jalanan.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, JIM turut mengambil langkah tambahan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan pas imigresen untuk kepentingan peribadi seperti berkahwin dengan warganegara Malaysia yang dikategorikan sebagai *marriage of convenient*. Antara pendekatan yang diambil termasuklah:

- (i) melaksanakan pemantauan dan semakan melalui naziran;
- (ii) mengadakan temu duga dengan pasangan yang berkenaan;  
dan
- (iii) mengenakan wang cagaran kepada penaja.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN**  
**MD. RAMLI**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan:

- (a) hala tuju Kerajaan dalam menggiatkan usaha untuk mengembangkan industri urban farming ataupun pertanian bandar; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia memberi insentif kepada para pengusaha pertanian bandar untuk mengembangkan sektor berkenaan.

**JAWAPAN**

Kementerian melihat kepentingan pertanian bandar ke arah membantu meningkatkan sekuriti makanan negara dalam pengeluaran makanan. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan pada tahun 2022 bagi pelaksanaan program Kebuniti Madani bertujuan untuk melonjakkan aktiviti pertanian bandar (*urban farming*) bukan sahaja bagi tujuan sara diri tetapi juga meningkatkan kapasiti komuniti dalam membekalkan bahan makan kepada kawasan setempat. Program ini juga telah ditambah baik dengan melibatkan ketiga-tiga subsektor iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur. Sehingga kini, sebanyak 1,121 komuniti yang terdiri daripada 701 subsektor tanaman, 224 subsektor akuakultur dan 194 subsektor ternakan telah diluluskan pelaksanaan di bawah program Kebuniti Madani ini.

Sejak 2014 sehingga 2023, KPKM melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) juga telah melaksanakan Program Pertanian Bandar dengan peruntukan sebanyak RM 83.82 juta dan telah memanfaatkan seramai 223,904 orang peserta dari 41,214 lokasi seluruh Malaysia dengan pecahan seperti berikut:

TAHUN	INDIVIDU		KOMUNITI		SEKOLAH		INSTITUSI		JUMLAH	
	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI
2014	682	63	1,312	87	1,399	75	1,609	55	5,002	280
2015	8,215	296	3,580	191	8,215	296	3,580	191	25,172	990
2016	11,088	427	5,372	247	11,913	525	4,582	246	32,955	1,445
2017	2,160	100	14,384	445	3,298	137	1,991	72	21,833	754
2018	4,319	185	4,731	190	8,412	320	3,877	166	21,339	861
2019	1,555	92	4,056	156	9,706	352	3,370	135	18,687	735
2020	14,850	13,614	8,933	758	8,568	326	3,924	159	36,275	14,857
2021	20,168	18,750	13,495	1,150	6,863	364	2,711	159	43,237	20,423
2022	1,658	428	3,919	364	4,860	441	2,103	197	12,540	1,430
2023	688	93	10,294	982	5,744	530	1,852	176	18,578	1,781

Di bawah Program ini, Jabatan Pertanian menyediakan insentif berbentuk *in-kind* kepada peserta meliputi perkara berikut:

- (i) Bahan input (baja, biji benih, media tanaman – tanah campuran, sabut kelapa, *peatmoss*);
- (ii) Peralatan kecil pertanian;
- (iii) Sistem tanaman tanpa tanah-Hidroponik (Sistem Fertigasi titis, sistem *Nutrient Film Technique* (NFT), sistem *Deep Flow Technique* DFT menggunakan Solar Panel);
- (iv) Set Sistem Penuaian Air Hujan (*Rain Water Harvesting*);
- (v) Set Batas Tanaman (*Raised Bed*) lengkap dengan Sistem Pengairan Air untuk siraman (*Drip Irrigation Watering System With Raised Bed Hoop Cover*); dan
- (vi) Set Peralatan Pembuatan Kompos dari sisa tanaman

Selain daripada pemberian insentif, Jabatan Pertanian juga melaksanakan aktiviti pengembangan seperti kursus dan latihan secara *hands on* kepada peserta bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara berterusan dan dikembangkan kepada seluruh komuniti di Malaysia. Aktiviti tambah nilai seperti penghasilan kompos daripada sisa buangan pertanian bandar dan penghasilan produk industri asas tani juga dilaksanakan bagi menjana pendapatan daripada aktiviti di sepanjang rantai nilai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kes buli yang melibatkan kakitangan sektor kesihatan awam yang dilaporkan setakat Oktober 2023 dan bagaimanakah Kementerian melaksanakan pembanterasan gejala buli yang boleh memberi impak negatif kepada keharmonian persekitaran kerja dan motivasi seseorang pelatih perubatan dan kakitangan baharu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan telah melancarkan sistem MyHELP (sistem aduan buli) pada 1 Oktober 2022 sebagai medium untuk pegawai menyalurkan aduan buli secara terus kepada Unit Integriti Ibu Pejabat KKM tanpa perlu melalui penyelia atau ketua jabatan. Manakala, aduan bukan buli boleh dikemukakan melalui Sistem SisPAA KKM.
2. Setakat 1 November 2023, jumlah aduan yang direkodkan menerusi sistem MyHELP adalah sebanyak 206 aduan yang dikategorikan seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Jumlah</b>
(a)	Aduan lengkap dalam siasatan bagi memastikan insiden buli benar berlaku.	12
(b)	Aduan dikategorikan bukan buli (isu perkhidmatan dan peribadi seperti permohonan berpindah, isu penempatan, tempat letak kenderaan yang tidak mencukupi dan isu hubungan suami isteri).	194

3. Aduan yang disiasat dan terbukti sebagai insiden buli diberikan syor tindakan intervensi sewajarnya dengan berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Insiden buli berupaya menjejaskan keharmonian dan produktiviti organisasi serta menjejaskan motivasi terutamanya pegawai yang dibuli. Bagi menangani insiden buli ini, KKM telah melaksanakan inisiatif tambahan seperti berikut:

- (a) memberi pendedahan awal mengenai insiden buli dan langkah mengendalikan insiden buli menerusi Program Transformasi Minda dan Program Orientasi di fasiliti kesihatan;
- (b) bekerjasama dengan Persatuan Perubatan Malaysia serta persatuan dan kesatuan sekerja yang lain bagi mengumpul maklumat berkaitan dengan aduan buli;
- (c) menyediakan aktiviti khidmat sokongan di fasiliti seperti program mentor-mentee, sistem sokongan kesihatan mental, kumpulan sokongan doktor pelatih di peringkat hospital, contohnya Program *Kintsuikuroi* dan mengadakan sesi libat urus dengan Ketua Jabatan secara berkala; dan
- (d) terus memperkukuh Jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital bagi memantau dan menyelesaikan isu yang dihadapi oleh pegawai perubatan semasa mengikuti program latihan siswazah perubatan.

5. Sehubungan itu, KKM mengharapkan sistem MyHELP dapat dioptimumkan bagi memastikan pengurusan insiden buli dapat diuruskan dengan cekap, telus dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK LIM PAY HEN** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan butiran perancangan terbaharu Kementerian dalam menyediakan pelan induk bagi membangunkan dan memodenkan Kampung Baru Cina dalam landskap yang lebih baik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kini dalam perancangan untuk membangunkan halatuju baharu Pelan Pembangunan Kampung Baru Cina. Pembangunan halatuju baharu ini akan dibincangkan secara menyeluruh dengan pihak-pihak berkepentingan melalui sesi libat urus secara berperingkat seperti Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP). Dalam perancangan pembangunan ini, antara perkara yang akan diteliti adalah berkenaan isu-isu pemilikan tanah di Kampung Baru Cina. Pelan ini akan memberikan fokus kepada aspek pembangunan sosio-ekonomi untuk meningkatkan pendapatan penduduk Kampung Baru Cina selain meneruskan program-program kemajuan dan pembangunan infrastruktur asas Kampung Baru Cina.

Selain itu, pembangunan ekonomi Kampung Baru Cina melalui aktiviti pelancongan juga akan diberi tumpuan di mana Kampung-kampung Baru Cina yang berpotensi akan dibangunkan bagi tujuan tersebut. Pelan pembangunan pelancongan akan memfokuskan kepada ciri-ciri unik kampung bagi memastikan projek-projek pelancongan yang akan dilaksanakan mempunyai nilai komersial yang dapat memenuhi keperluan pelancong domestik dan antarabangsa.

**NO SOALAN: 33**

Dalam hal ini, KPKT mengalu-alukan sebarang inisiatif dan idea-idea daripada Yang Berhormat Senator serta semua pihak dalam membantu Kementerian merangka hala tuju dan Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru Cina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'**  
**SERI R. ARUNASALAM**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM** minta  
**PERDANA MENTERI** menyatakan: -

- a) sebab mengapakah program pembasmian miskin tegar bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) untuk ahli isi rumah berbangsa India hanya tertumpu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja; dan
- b) apakah petunjuk-petunjuk untuk mengukur inisiatif-inisiatif yang dijalankan bawah program ini bagi memastikan program ini berkesan.

**JAWAPAN**

**YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH TIMBALAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Perpaduan tekad untuk menoktahkan masalah kemiskinan tegar yang didapati masih membelenggu golongan rakyat tertentu di negara ini.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pembasmian Miskin Tegar di bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) untuk Ahli Isi Rumah (AIR) berbangsa India di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah merupakan projek rintis bagi tahun 2023 dan akan diperluas ke negeri-negeri lain pada masa hadapan.
3. Inisiatif MITRA ini adalah langkah intervensi awal dan segera bagi memastikan impak kepada golongan miskin tegar berbangsa India yang terkesan akibat peningkatan kos sara hidup dapat diminimumkan.
4. Kenaikan kos sara hidup sama ada di bandar mahupun kawasan luar bandar terus menjadi cabaran pada tahun 2023. Kehidupan golongan miskin tegar di bandar adalah lebih sukar berbanding di luar bandar kerana kos sara hidup yang lebih tinggi. Sehubungan itu, Program Pembasmian Miskin Tegar MITRA dapat membolehkan golongan

berpendapatan rendah kekal berdaya tahan menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar.

5. Usaha ini dilaksanakan bersama pelbagai kementerian dan agensi dalam membasmi kemiskinan tegar melalui program seperti bantuan tunai bulanan, menaik taraf kediaman, pemberian modal perniagaan, latihan kemahiran dan penjanaaan pendapatan dalam usaha menarik keluar rakyat dari dibelenggu oleh kemiskinan tegar.
  
6. Dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang seterusnya, bantuan jangka masa pendek melalui tambahan bantuan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar kaum India yang berdaftar dengan sistem ekasih di Wilayah Persekutuan dijangka akan membolehkan KIR keluar dari kelompok miskin tegar. Untuk jangka masa panjang pula, Kerajaan akan merancang program penjanaaan pendapatan KIR dan AIR miskin tegar di Wilayah Persekutuan yang akan membantu meningkatkan pendapatan isi rumah. Pencapaian kedua-dua tujuan ini menjadi petunjuk keberkesanan inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG  
TARIK : 5 DISEMBER 2023**

**DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

a) pelaksanaan terkini dalam usaha untuk mentransformasikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pelajar Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) untuk memenuhi permintaan industri; dan

b) adakah benar pelajar IKTBN ini dianggap sebagai kelas ketiga TVET berbanding pelajar Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Kemahiran MARA dan GiatMARA.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) komited dalam memastikan graduan TVET memenuhi keperluan industri bukan sahaja di dalam negara malah juga di peringkat antarabangsa. Komitmen Kerajaan terhadap pendidikan TVET dicerminkan dalam belanjawan setiap tahun dan Belanjawan untuk Tahun 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM6.8 bilion ringgit bagi tujuan pemerkasaan pendidikan TVET seluruh negara.

Di bawah Kementerian Belia dan Sukan sahaja, sebanyak RM327 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan kemahiran belia di semua Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dan pelbagai peringkat bagi membangun serta melahirkan graduan TVET yang berkemahiran tinggi. Komitmen ini sekaligus memberikan impak yang besar kepada pengeluaran tenaga mahir dalam pasaran tenaga kerja.

Seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, KBS telah dan akan membelanjakan RM25.5 juta dalam tempoh 2021 hingga 2025 untuk memperkukuh infrastruktur ICT dan menyokong Inisiatif Pendigitalan ILKBS. Pada tahun ini KBS telah memperuntukkan sebanyak RM241,368,200 bagi tujuan pembangunan ILKBS di negara ini.

Bagi menyokong sektor ekonomi gig, KBS sedang memperkasakan ekosistem TVET di ILKBS dengan memperluaskan sasaran kepada 3,000 orang belia gig melalui penawaran kursus-kursus jangka pendek/modular/*customised/ Bootcamp* dan *Skills For Life*. Kursus-kursus ini akan

## NO SOALAN: 35

memberi kemahiran dan persijilan yang akan memberi nilai tambah kepada peningkatan kerjaya pekerja sektor ekonomi gig di Malaysia. Di samping itu, pelajar TVET ILKBS akan diperkenalkan dengan aplikasi-aplikasi *e-commerce* yang akan membantu mempromosi produk dan perkhidmatan bagi menyokong daya keusahawanan selepas tamat latihan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebolehpasaran graduan ILKBS pada tahun 2022 dan 2023 ialah pada kadar 96%. Selain itu pencapaian tertinggi oleh dua (2) peserta ILKBS iaitu Saudara Muhammad Nasran bin Ahmad, bidang *hairdressing* telah merangkul pingat emas dan saudara Muhaimin Iskandar bin Zaidi, bidang *electrical installation* atas kejayaan merangkul pingat perak di Pertandingan WorldSkills Asia Abu Dhabi 2023 yang telah diadakan pada 25 November hingga 1 Disember 2023. Secara tidak langsung ini membuktikan bahawa graduan TVET ILKBS bukan kelas ketiga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD  
TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan:

- (a) jumlah projek Taman Agro (Agropark) di Sarawak telah dibina dan yang masih dalam pembinaan; dan
- (b) apakah fungsi utama Taman Agro (Agropark) ini dan bagaimanakah ia akan membantu para petani.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Sarawak sedang membangunkan sebuah Agropark di Bahagian Sarikei. Pembangunan Agropark tersebut telah bermula pada pertengahan tahun 2022 dan dijangka akan siap sepenuhnya dan beroperasi pada suku pertama tahun 2024. Kerajaan Negeri Sarawak juga dalam proses membangunkan dua buah lagi Agropark di Bahagian Betong yang kini dalam proses perolehan tapak, dan pembangunannya dijangka akan bermula pada penghujung tahun 2024.

Fungsi utama Agropark dibangunkan adalah untuk menyediakan tapak kekal bagi meningkatkan pengeluaran makanan untuk memenuhi permintaan makanan dalam dan luar negeri. Kawasan tersebut akan dibangunkan dengan infrastruktur asas dan dibahagikan kepada lot-lot pertanian. Pewujudan Agropark ini akan memberikan peluang kepada individu atau syarikat yang tidak memiliki tanah tetapi berminat dalam sektor pengeluaran makanan. Agropark ini dilihat mampu menarik minat golongan belia untuk terlibat dalam sektor pertanian dengan memperkenalkan sistem pertanian berasaskan teknologi moden.

Sesebuah Agropark yang dibangunkan akan diterajui oleh syarikat swasta terpilih untuk menyepadukan semua peringkat rantai nilai agromakanan. Syarikat Peneraju yang terpilih adalah daripada kalangan yang memiliki teknologi dan kepakaran pertanian serta akses pasaran, serta syarikat tersebut akan memainkan peranan dalam memasarkan hasil keluaran para peserta yang terlibat termasuk para petani di kawasan setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN**  
**NIK ABDUL AZIZ**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pandangan awam mengenai inisiatif Generasi Penamat Rokok (GEG) dan apakah langkah-langkah untuk menjayakan pelaksanaan polisi GEG.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Inisiatif Generasi Penamat Rokok (GEG) adalah satu bentuk inisiatif yang dilaksanakan untuk melindungi generasi muda daripada ancaman bahaya semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape. Inisiatif ini penting bagi memastikan golongan kanak-kanak dan remaja yang belum pernah terdedah kepada bahaya nikotin yang terbukti menjadi faktor ketagihan kepada produk merokok daripada terjerumus kepada amalan merokok.
2. Cadangan pelaksanaan inisiatif GEG telah menerima respon positif daripada masyarakat awam termasuk pakar-pakar kesihatan, golongan profesional dan badan bukan kerajaan.
3. Walaupun peruntukan GEG telah digugurkan daripada Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang baru saja diluluskan di Dewan Rakyat pada 30 November 2023, KKM akan tetap meneruskan program-program untuk mencapai *The Endgame for Tobacco* menjelang tahun 2040 selaras dengan pelan perancangan yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau dan Merokok 2021-2030.
4. Pada masa yang sama, KKM telah merangka dan akan melaksanakan pelan lima (5) tahun memfokuskan aktiviti pendidikan kesihatan melibatkan advokasi dan pencegahan merokok bagi melindungi generasi muda agar mereka kekal tidak merokok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan zon-zon penanaman padi yang menjadi penyumbang dalam penghasilan beras putih tempatan yang dikatakan akan mencapai sasaran bekalan 450,000 tan metrik pada hujung tahun ini dan apakah kaedah penggalak yang dilaksanakan untuk mencapai kadar penghasilan beras yang optimum dengan permintaan pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi lokaliti pengeluaran beras, Kedah merupakan negeri yang merekodkan keluasan tanaman yang terbesar bagi Musim 2/2023 iaitu 83,700 hektar, diikuti dengan negeri Perak seluas 37,800 hektar keluasan tanaman, negeri Kelantan dengan keluasan 27,000 hektar dan Perlis dengan keluasan 18,000 hektar. Anggaran hasil pengeluaran mengikut kawasan tersebut pula adalah 335,000 tan metrik untuk negeri Kedah, 103,000 tan metrik bagi negeri Perak, 83,000 tan metrik bagi negeri Kelantan dan 60,000 tan metrik bagi negeri Perlis.

Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memastikan kadar penghasilan beras berada pada tahap yang paling optimum adalah seperti berikut:

(i) **Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)**

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian memberangsangkan meskipun bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) **Program SMART SBB Model Ala Sekinchan**

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7.00 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar.

(iii) **Pemeriksaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi**

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran dengan nilai pelaburan sebanyak RM3 bilion melalui pembiayaan swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan

(iv) **Kerjasama Penyelidikan**

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut bekerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK NORAINI BINTI IDRIS**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK NORAINI BINTI IDRIS** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha **TEKUN** untuk terus memberikan bimbingan dan latihan kepada usahawan desa terutamanya melibatkan ibu tunggal dan apakah jalinan kerjasama antara agensi yang ada bagi menarik penyertaan golongan berkenaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan di bawah skim TEKUN Wanita berjumlah RM20 juta kepada seramai 3,801 usahawan wanita termasuk ibu tunggal di seluruh negara. Dalam hubungan ini, TEKUN Nasional telah mewajibkan kehadiran penerima pembiayaan termasuk usahawan di bawah skim TEKUN Wanita ini untuk menghadiri Seminar Asas Keusahawanan (SAK) bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman usahawan mengenai strategi dan teknik pemasaran berkesan serta pengurusan kewangan perniagaan yang cekap.

2. Selain itu, bagi menarik penyertaan golongan ibu tunggal bagi menceburi bidang keusahawanan, KUSKOP melalui agensi-agensinya bekerjasama dalam menyediakan skim pembiayaan dan program keusahawanan khusus kepada golongan wanita antaranya seperti berikut:

- (i) Skim-skim pembiayaan khas untuk usahawan wanita seperti Skim Pembiayaan Ikhtiar di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, Skim Pembiayaan TEKUN Wanita di bawah TEKUN Nasional dan Skim Pembiayaan BizLady di bawah Bank Rakyat;

**NO SOALAN: 39**

- (ii) Program Successful Woman Entrepreneurship Engagement Talent (SWEET) di bawah Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) menyediakan latihan dan pembiayaan kepada usahawan wanita yang berminat menceburi bidang francais;
- (iii) Program Pemerkasaan Usahawan Wanita (PUAN) oleh INSKEN bagi membimbing usahawan wanita B40 dalam sektor makanan dan minuman ke arah pendigitalan perniagaan; dan
- (iv) Program UDA Bizznita oleh UDA Holdings yang menyediakan ruang niaga strategik di bangunan dan premis perniagaan UDA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK RAZALI BIN IDRIS** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah royalti minyak atau Wang Tunai Petroleum (WTP) yang diterima oleh Kerajaan Terengganu setakat ini dan adakah Kerajaan Pusat bersedia untuk mengurangkan lagi pemotongan hutang 25 peratus kepada kadar yang lebih munasabah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bayaran Tunai hasil petroleum akan dibayar terus kepada negeri sekiranya didapati dan diperolehi (*won and saved*) dalam perairan wilayah tiga (3) batu nautika yang diukur daripada garis air surut selaras dengan Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*].

Sehingga hari ini, tiada petroleum yang didapati dan diperolehi (*won and saved*) di dalam negeri Terengganu. Apa-apa hasil daripada medan-medan petroleum Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah didapati dan diperolehi di luar perairan negeri iaitu melebihi tiga (3) batu nautika yang diukur daripada garis air surut pantai wilayah selaras dengan Akta 750.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan Wang Ehsan kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi tujuan melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat negeri Terengganu. Penyaluran peruntukan dibuat berdasarkan keperluan dan keutamaan perbelajaan terutamanya perbelanjaan berkaitan emolumen, perbelanjaan operasi Kerajaan Negeri, projek pembaikan infrastruktur yang rosak akibat banjir dan program pembasmian kemiskinan rakyat negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengenal pasti strategi untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk mempertingkatkan pengeluaran secara domestik bagi meningkatkan pengeluaran hasil tanaman bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import. Namun begitu, pengimportan bekalan makanan masih diperlukan, khususnya komoditi tanaman yang mempunyai kadar sara diri (SSR) yang rendah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti persaingan guna tanah dan sumber tanah yang terhad, tanaman beriklim *temperate* serta tidak ekonomik untuk dihasilkan.

Berdasarkan strategi yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), KPKM melalui jabatan dan agensi giat melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi mengurangkan kebergantungan import bekalan makanan. Antara inisiatif dan program adalah seperti berikut:

- (i) **meningkatkan pengeluaran domestik subsektor utama tanaman** iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran melalui:
  - (a) Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) menerusi Model Mini Sekinchan dan melaksanakan projek rintis penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun;

- (b) Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran rendah SSR seperti cili, kubis dan halia di bawah; dan
- (c) pewujudan enam (6) TKPM baharu dan pembangunan tanah-tanah terbiar milik agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam usaha memperluaskan kawasan pengeluaran makanan negara;
- (ii) **mempergiatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I)**, antaranya penyelidikan pembangunan varieti padi yang tahan kemarau serta kajian pembangunan baka akuakultur yang mempunyai daya tahan kepada perubahan iklim;
- (iii) mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian melalui **pemeriksaan industri benih tempatan melalui pewujudan hub benih**. Selain itu, pemberian **insentif galakan** kepada para petani tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran menerusi pelaksanaan program turut dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran benih yang berkualiti dari dalam negara bagi menampung kos pengeluaran berikutan kenaikan harga input pertanian seperti benih tanaman, racun rumpai dan baja;
- (iv) **melaksanakan stok penimbal (stokpail) bekalan makanan terpilih** seperti beras. Status semasa stok beras negara sehingga 14 November 2023 adalah sebanyak 902,613 tan metrik meliputi 250,000 tan metrik stokpail Kerajaan dan 652,613 tan metrik stok dagangan. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung

keperluan beras negara bagi tempoh empat (4) hingga lima (5) bulan;

- (v) **melaksanakan projek kelestarian pertanian di bandar** di bawah Program Pertanian Bandar atau Program Pembangunan Pertanian Komuniti (PPPK) untuk menggalakkan komuniti bandar dan pinggir bandar menggunakan ruang-ruang yang ada dan terhad untuk bercucuk tanam membantu mengurangkan kos sara hidup melalui aktiviti pertanian; dan
- (vi) **mengoptimumkan kehilangan lepas tuai padi** bernilai RM293 juta atau 244.2 ribu tan metrik menerusi pelaksanaan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, penambahbaikan SOP dan peraturan sedia ada agar seiring dengan keperluan teknologi terkini;
- (vii) **menaiktaraf infrastruktur iaitu sistem pengairan sedia ada kepada teknologi pengairan pintar** menggunakan *Internet of Things* (IoT), membangunkan sistem pertanian dalam persekitaran terkawal serta perolehan jentera, mesin dan aplikasi pertanian pintar. Untuk tujuan ini, Jabatan Pertanian (DOA) diluluskan peruntukan sebanyak RM232 juta yang melibatkan tujuh (7) projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Selain daripada itu, beberapa inisiatif dan program dilaksanakan bagi menyokong teras strategik DAN 2.0 pembangunan bakat dan pembiayaan, antaranya seperti berikut:

- (i) **menyediakan latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian** melalui program latihan seperti Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) dan kursus-kursus jangka pendek seperti Kursus *Upskilling* dan *Reskilling*; dan
- (ii) **menawarkan kemudahan pembiayaan dan geran** untuk membantu usahawan tanaman oleh pihak Agrobank. Sebanyak RM200 juta penyaluran peruntukan oleh Agrobank bagi program kemudahan pembiayaan meliputi keseluruhan teknologi pertanian (agroteknologi);
- (iii) **melaksanakan perolehan jentera menerusi Program Mekanisasi dan Automasi** yang diluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta untuk pembelian jentera bagi memberikan perkhidmatan pengembangan kepada golongan sasaran;
- (iv) **menyediakan program geran padanan** menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) iaitu program Ladang e-Satelit dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Program ini berbentuk geran padanan dengan nisbah 70:30 dan had maksimum daripada Kerajaan berjumlah RM30,000 bagi setiap permohonan untuk pertubuhan peladang dan usahawan menggunakan sistem aplikasi pertanian pintar serta dron dan pembangunan infrastruktur seperti jalan ladang; dan

- (v) **melancarkan Program Pembangunan Sayuran** di bawah RMKe-12 yang dilaksanakan oleh DOA. Program ini menawarkan geran padanan bagi membolehkan petani mendapatkan teknologi pertanian vertikal dan persekitaran terkawal dengan nilai maksimum RM200,000 bagi syarikat tempatan pada nisbah 40:60 (Kerajaan: Syarikat). Selain itu, program ini juga menawarkan geran padanan untuk skop mekanisasi, automasi, dan teknologi pintar pada nilai maksimum RM50,000 dengan nisbah 50:50 (Kerajaan:Usahawan).

Selain inisiatif di bawah KPKM, terdapat juga inisiatif di bawah agensi lain yang dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan, antaranya:

- (i) **Skim Pembiayaan Agromakanan** sebanyak **RM1 bilion** di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu pengusaha agromakanan meningkatkan produktiviti pengeluaran;
- (ii) **Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR)** di bawah Kementerian Ekonomi sebanyak **RM750 juta** yang memberikan tumpuan kepada aktiviti ekonomi komuniti setempat terutamanya pertanian dan agromakanan. Program ini melaksanakan tiga model usahawan, iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN);

- (iii) **Program Digital AgTech** sebanyak **RM10 juta** di bawah **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** untuk meningkatkan adaptasi teknologi dan automasi dalam kalangan peladang; dan
  
- (iv) **Program Kebun Komuniti** sebanyak **RM10 juta** di setiap Parlimen bagi menyokong agenda keterjaminan makanan.

Justeru dengan pelaksanaan strategi ini, KPKM yakin sektor agromakanan negara akan dapat diperkasakan dan seterusnya dapat mengurangkan import bekalan makanan daripada luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH**  
**SUFFIAN**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk meningkatkan jumlah guru terlatih untuk mengatasi masalah kekurangan guru khususnya di Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Bagi menangani isu kekurangan guru, beberapa pendekatan strategik telah dipersetujui dan akan dilaksanakan termasuk peluasan kluster mata pelajaran bagi membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru. KPM juga berusaha untuk memastikan guru kelahiran Sarawak diberikan keutamaan untuk ditempatkan di negeri kelahiran mereka berdasarkan kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen. Selain itu, pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara bagi mata pelajaran - mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, Rekabentuk dan Teknologi, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan Pendidikan Seni Visual.

Selain melaksanakan pengambilan guru dalam kalangan graduan pendidikan yang dilakukan dari semasa ke semasa, KPM melaksanakan pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun sebelum dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

## **NO SOALAN: 42**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, SPP telah mengumumkan keputusan temu duga tawaran pelantikan guru tetap kepada 9,552 orang calon pada 3 November 2023. Selain daripada itu, SPP juga sedang melaksanakan urusan temu duga calon lantikan CoS bermula pada bulan September sehingga November 2023 dan keputusan temuduga akan diumumkan pada bulan Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK**  
**CHEE**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat mengurangkan kebergantungan tenaga kepada sumber asli yang tidak boleh diperbaharui seperti arang batu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif yang mesra alam dalam penjanaan elektrik selari dengan hasrat dan dasar negara untuk mengurangkan kebergantungan tenaga kepada sumber asli yang tidak boleh diperbaharui seperti arang batu.
2. Di peringkat Kementerian, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pelaksanaan dan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang dipengerusikan oleh YB Menteri yang bertanggungjawab dalam pembekalan elektrik negara, berperanan menentukan dasar dan hala tuju mengenai campuran bahan api (*fuel mix*) untuk penggunaan sektor penjanaan elektrik agar sumber tenaga negara digunakan secara optimum dan lestari.
3. Mesyuarat JPPPET pada 7 Februari 2023 telah memutuskan tiada lagi loji janakuasa arang batu yang baharu dan tiada pelanjutan bagi loji janakuasa arang batu sedia ada. Ini bagi memastikan tiada lagi sumber penjanaan berasaskan arang batu yang dirancang dalam unjuran Pelan Pembangunan Penjanaan (*Power Development Plan – PDP*) untuk tempoh 20 tahun akan datang.

4. Keputusan ini juga dibuat dengan mengambil kira komitmen Kerajaan dalam Perjanjian Paris 2015 untuk mengurangkan 45% intensiti pelepasan gas rumah kaca menjelang tahun 2030 berbanding intensiti pada tahun 2005 dan aspirasi Kerajaan untuk mencapai sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pada masa ini, sektor penjanaan elektrik negara masih bergantung kepada dua sumber bahan api fosil utama, iaitu gas dan arang batu bagi memenuhi permintaan *baseload*. Buat masa ini, Kerajaan belum merancang untuk menutup lapan (8) buah loji janakuasa arang batu yang sedang beroperasi lebih awal berbanding tarikh tamat operasi loji-loji tersebut. Loji janakuasa arang batu terakhir yang akan tamat operasi adalah pada tahun 2044.

6. Kerajaan sentiasa berusaha mencari jalan untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam penjanaan elektrik termasuk potensi untuk melaksanakan *mothballing* dan *co-firing* serta potensi penjanaan elektrik berasaskan sumber lain yang lebih bersih dan boleh diperbaharui.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' AJIS BIN SITIN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk menyelesaikan masalah parkir di kawasan perumahan sekitar Kuala Lumpur yang sangat sesak pada masa sekarang sehinggakan berlaku budaya 'cop' petak parkir tepi jalan untuk dijadikan tempat parkir persendirian dengan meletak tanda seperti kon, pasu bunga, tong sampah, tin cat kosong dan sebagainya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil maklum keperluan tempat letak kereta yang mendesak di kawasan perumahan awam dan kos rendah sekitar Kuala Lumpur. Semasa perancangan awal sekitar tahun 1980an dan 1990an, keperluan tempat letak kereta ditetapkan berdasarkan piawaian satu (1) tempat letak kereta bagi setiap empat (4) unit kediaman. Piawaian ketika itu mengambilkira kemampuan pemilikan kenderaan golongan berkenaan serta kos pembinaan projek perumahan yang tinggi.

2. Kadar semasa keperluan tempat letak kereta bagi pembangunan kediaman Rumah Mampu Milik ialah satu (1) tempat letak kereta bagi setiap unit kediaman yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2015 dan tambahan 10% tempat letak kereta pelawat. Manakala tempat letak kereta pembangunan kediaman harga bebas adalah berdasarkan kepada harga rumah seunit. Sementara dua (2) tempat letak kereta per 1 unit kediaman diperuntukkan kepada unit kediaman yang berharga RM400,000 sehingga RM750,000 berdasarkan Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Edisi 2021.

Bagi mengatasi isu tempat letak kereta ini, DBKL juga telah membangunkan 14 tempat letak kereta bertingkat dengan jumlah 7,785 petak parkir khususnya di kawasan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Kuala Lumpur.

3. Sebagai langkah jangka panjang, Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) yang diwartakan pada 19 Oktober 2023 telah merancang untuk mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam sebagai langkah mengurangkan pergantungan kenderaan persendirian melalui Halatuju Strategik MC1: Kepelbagaian Mod Pengangkutan Awam Yang Berintegrasikan dan Halatuju Strategik MC3: Pengurusan Lalu Lintas Yang Efektif. Halatuju strategik ini disokong oleh enam (6) tindakan iaitu:

- (i) Memperluas rangkaian rel dan mempertingkatkan infrastruktur sokongan;
- (ii) Membangunkan sistem komuter bandar dalam Bandar Raya Kuala Lumpur;
- (iii) Memberi keutamaan kepada pembangunan perkhidmatan bas awam;
- (iv) Merancang untuk perkhidmatan taksi dan *e-hailing*;
- (v) Mengurus trafik dalam Bandar Raya Kuala Lumpur;
- (vi) Mengurus ruang tempat letak kenderaan (TLK); dan
- (vii) Memperkukuh fungsi jalan raya sedia ada.

4. Selain itu, DBKL telah melaksanakan *first mile and last mile* bagi menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam. Ini termasuklah perkhidmatan percuma Bas GoKL untuk kegunaan warga kota.

5. Berdasarkan Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL2040) yang dibangunkan oleh DBKL, antara objektif yang digariskan adalah mensasarkan pencapaian nisbah pisah ragam (model split) kepada 70 peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding 30 peratus penggunaan kenderaan persendirian. Langkah inisiatif yang dicadangkan di dalam pelan induk PITKL2040 tersebut hanya boleh dicapai dengan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kenderaan persendirian.

6. Di samping itu, DBKL mengambil tindakan penguatkuasaan pindah halangan bagi kesalahan cop parkir dengan menyita terus objek-objek yang diletakkan di dalam petak parkir. Dalam tempoh **Januari** hingga **Oktober 2023**, sebanyak **80 siri tindakan telah dilaksanakan dan hasilnya sebanyak 1,095 sitaan telah dibuat**. Untuk sebarang aduan, pihak pengadu boleh memanjangkan aduan secara rasmi kepada DBKL melalui sistem adu@KL agar tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK NORAINI BINTI IDRIS  
TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK NORAINI BINTI IDRIS** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) sejauh manakah sektor swasta dan awam di seluruh negara benar-benar mengadaptasi amalan pembanterasan gangguan seksual seperti yang digariskan dalam Akta Antigangguan Seksual 2022; dan
- (b) bentuk kerjasama yang dijalinkan dengan sektor pekerjaan swasta untuk meningkatkan kepekaan terhadap akta tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah mengedar dan menyerahkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual dan notis antigangguan seksual kepada sektor awam, swasta, komuniti dan NGO semasa pelaksanaan program advokasi bersama pihak-pihak yang berkenaan. Ini termasuk menyerahkan notis antigangguan seksual kepada wakil dari sektor Kerajaan, swasta dan NGO semasa pelaksanaan Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual di seluruh negara. Selanjutnya, sebanyak 100 keping notis telah diedarkan pada 22 Ogos 2023 kepada setiap Kementerian/Jabatan/Agensi untuk dipapar dan diwar-warkan di premis masing-masing.

2. Garis panduan ini telah berkuatkuasa bermula 28 Mac 2023 dan dibangunkan bertujuan untuk memberikan panduan berhubung pengendalian kes gangguan seksual termasuk cadangan tindakan dalam menggalakkan pencegahan dan meningkatkan kesedaran berkaitan gangguan seksual. Pembangunan garis panduan ini adalah selaras dengan peruntukkan di bawah seksyen 25 Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] yang menyatakan keperluan untuk merumuskan dasar atau mengeluarkan garis panduan yang berhubungan dengan pencegahan atau kesedaran tentang gangguan seksual.

3. Seksyen 25 tersebut juga turut memperuntukkan keperluan untuk menggalakkan apa-apa aktiviti termasuklah meminta mana-mana orang untuk mempamerkan apa-apa notis di mana-mana tempat yang berhubungan dengan pencegahan atau kesedaran tentang gangguan seksual. Perkara ini turut selari dengan seksyen 80H Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang mewajibkan majikan menampal notis kesedaran gangguan seksual di premis masing-masing berkuatkuasa 1 Januari 2023. Untuk rujukan Ahli Yang Berhormat dan orang awam, Garis panduan ini boleh di muat turun dari laman sesawang KPWKM dan JPW.

4. Program Jerayawara Advokasi Antigangguan Seksual telah mula dilaksanakan susulan pelancarannya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah pada 29 Mei 2023 yang lalu. Program advokasi pencegahan dan kesedaran antigangguan seksual ini telah dirancang untuk dilaksanakan di kesemua negeri di seluruh negara pada tahun ini. Objektif program ini termasuklah:

- (i) Memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai gangguan seksual;
- (ii) Menyebarluaskan pemakaian garis panduan dan notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat;
- (iii) Menyampaikan maklumat berkenaan bantuan dan perkhidmatan psikososial yang disediakan oleh KPWKM terutama dalam menangani gangguan seksual; dan

(iv) Menjalinkan kolaborasi strategik dengan semua pihak bagi meningkatkan pencegahan dan kesedaran gangguan seksual.

5. Pelaksanaan program ini turut melibatkan kolaborasi dengan rakan strategik termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Seramai lebih 17,000 orang peserta dari pelbagai lapisan masyarakat telah hadir dan menyertai program ini.

6. Selain itu, sebanyak 52 program advokasi turut dilaksanakan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk sektor swasta yang melibatkan seramai lebih 7,000 peserta. Promosi dan hebahan turut diperluaskan melalui media sosial dan media masa dengan capaian 3.5 juta pendengar, penonton dan pembaca.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menyeragamkan semua peraturan dan garis panduan antara majlis perbandaran dan majlis daerah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, perkara berkaitan Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa negeri. Walau bagaimanapun, sesuatu dasar baharu berkaitan Kerajaan Tempatan yang ingin diperkenalkan dan dilaksanakan sama ada untuk keseragaman atau disesuaikan mengikut keperluan setempat boleh dirundingkan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri melalui Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Persekutuan melalui platform MNKT dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk menyeragamkan dasar-dasar termasuk dalam bentuk garis panduan dan peraturan yang dinamakan sebagai Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini adalah tertakluk kepada penerimaan pakai di peringkat kerajaan negeri dan Kerajaan Tempatan memandangkan keperluan dan kesesuaian antara negeri dan kawasan PBT mempunyai perbezaan dan keunikan tersendiri yang perlu diambil kira.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH**  
**BINTI MUSA**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis panduan terkini bagi pihak polis dalam penyiasatan kemalangan trafik. Memandangkan terdapat peningkatan penggunaan dashcam, bolehkah pihak Kementerian mempertimbangkan penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) siasatan untuk memastikan polis mengambil tindakan terhadap kenderaan yang menyebabkan kemalangan walaupun tidak terlibat dalam kemalangan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri mempunyai peranan yang amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) menjalankan siasatan kemalangan jalan raya mengikut peruntukan undang-undang di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]. Selain itu, JSPT juga mempunyai prosedur penyiasatan seperti Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dan Arahan-Arahan Pengarah JSPT bagi memastikan tatacara siasatan kemalangan jalan raya adalah teratur, adil serta mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Berdasarkan perkembangan semasa dan teknologi yang semakin canggih, pihak PDRM menjalankan siasatan mengikut perubahan arus perdana termasuk menggunakan rakaman video yang dirakam menggunakan peranti-peranti yang dipasang di kenderaan seperti kamera papan pemuka (*dashcam*). Rakaman kemalangan dari *dashcam* sesebuah kenderaan membantu siasatan PDRM dan ia dijadikan sebagai keterangan untuk dikemukakan kepada mahkamah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Keterangan 1950 berhubung kaedah kebolehterimaan dokumen berhubung keterangan digital (Rakaman Video *Dashcam*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK**  
**CHEE**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perkembangan terkini rancangan mengimplementasikan dasar larangan eksport bahan mentah nadir bumi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar larangan eksport bahan mentah unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 September 2023 dibangunkan bertujuan mengelak eksploitasi dan kehilangan sumber negara; serta menjamin pulangan yang maksimum kepada negara. Perkara ini adalah bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan industri NR-REE secara menyeluruh melalui pewujudan industri NR-REE di setiap peringkat rantaian nilai meliputi peringkat huluan, pertengahan dan hiliran.
2. Pada masa ini, Kementerian sedang meneliti dan memperhalusi cadangan dasar larangan eksport bahan mentah NR-REE dengan mengambil kira ketersediaan loji pemprosesan NR-REE di dalam negara serta keperluan untuk membangunkan industri hiliran.
3. Namun begitu, Kementerian mengambil langkah berhati-hati dan mengambil kira semua aspek dalam membangunkan dasar ini berikutan jangkaan tentangan dan tekanan antarabangsa terutamanya daripada Kesatuan Eropah (*European Union* – EU). Isu yang sama pernah dihadapi oleh negara Indonesia semasa mengumumkan dasar larangan eksport bahan mentah nikel. Dalam hal ini, pihak EU telah membawa tuntutan keadilan kepada *World Trade Organization* (WTO) atas dasar pelanggaran peruntukan yang ditetapkan di bawah badan dunia tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan Kementerian berkenaan jenis padi yang tahan kemarau serta kajian pembangunan baka akuakultur yang mempunyai daya tahan menghadapi perubahan iklim.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menjalankan kajian dan penyelidikan pembangunan jenis padi yang tahan kemarau serta baka akuakultur yang mempunyai daya tahan menghadapi perubahan iklim.

Terdapat lima (5) varieti padi popular yang telah dibangunkan dan sedia ditanam iaitu MR297, MR315, MR307, MR284 dan MRQ76. Kesemua varieti padi jenis ini adalah toleran kepada keadaan kemarau sederhana yang kurang daripada 30 hari. Berdasarkan data kajian simulasi, varieti ini mampu memberikan hasil sekitar 5.5 tan metrik per hektar. Manakala, kajian di lapangan pula, merekodkan julat pengeluaran hasil adalah 3.46 tan metrik per hektar.

Manakala, bagi pembangunan baka akuakultur yang mempunyai daya tahan terhadap iklim dilaksanakan melalui dua (2) program, iaitu *Program Nucleus Breeding Centre (NBC)* dan *Broodstock Multiplier Centre (BMC)* telah dilaksanakan bagi menghasilkan benih dan induk yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Sehingga September 2023, sebanyak 490 buah hatcheri/nurseri benih ikan swasta diwujudkan dengan kapasiti penghasilan benih ikan melebihi 5 bilion ekor benih ikan dihasilkan setiap tahun.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan ini juga dilaksanakan terhadap kebolehdayaan benih ikan patin. Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glemi Lemi, Negeri Sembilan serta beberapa syarikat swasta termasuk

**NO SOALAN: 49**

institusi pengajian tinggi awam turut terlibat dalam kajian tersebut. Hasil kajian mendapati pengurusan induk dan kaedah pembenihan yang betul dapat membantu meningkatkan peratus kadar penetasan daripada 40% kepada 60% serta kadar hidup daripada 50% kepada 70%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH**  
**SUFFIAN**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) untuk penanaman secara besar-besaran di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) sentiasa komited dalam membangunkan industri kenaf Malaysia. Dalam hal ini, perancangan jangka masa pendek serta jangka panjang yang diambil bagi memperluas tanaman kenaf secara besar-besaran di Malaysia adalah seperti berikut:

**Pelan Jangka Masa Pendek**

- i. **Menggiat Kerjasama Strategik** dengan Kerajaan negeri dan Agensi bagi mewujudkan *land bank* yang mampan dan melaksanakan penanaman kenaf secara integrasi/giliran dengan penglibatan sektor swasta. Sebagai contoh penanaman kenaf secara integrasi dengan tanaman sawit yang dilaksanakan bersama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak;
- ii. **Meningkatkan produktiviti** melalui penggunaan mekanisasi, khidmat nasihat dan melaksanakan program pemindahan teknologi secara agresif; dan
- iii. **Menanam Kenaf Secara Ladang** – Kementerian dalam proses untuk memberi galakan kepada pengeluaran kenaf secara *output-based*. Insentif Program Ladang Kluster sebanyak RM3,800 sehektar disediakan secara *one-off* untuk menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam penanaman kenaf secara ladang.

## Pelan Jangka Masa Panjang

- i. **Memperkasa rantaian kenaf melalui pendekatan sinergi** dengan fiber semulajadi lain seperti daun nanas sebagai sumber bahan mentah gabungan dengan kenaf;
- ii. **Membangunkan Lembah Kenaf** untuk pengeluaran biji benih kenaf, makanan ternakan berasaskan kenaf dan biojisim kenaf. Pembangunan industri secara ladang kluster di dalam satu kawasan akan dapat mengurangkan kos pengurusan serta logistik;
- iii. **Membangunkan Benih Berkualiti** menerusi program penyelidikan dan pembangunan bagi penghasilan varieti kenaf yang produktif dan tahan penyakit; dan
- iv. **Mentransformasi Industri di Wilayah Sabah dan Sarawak –** Mulai tahun 2024, LKTN akan membangunkan pembangunan industri kenaf yang dipacu oleh pihak swasta di Sabah dan Sarawak. Komponen program akan meliputi:
  - a. Penyediaan fasiliti penyimpanan dan pembekalan benih bagi pengeluaran fiber dan core kenaf;
  - b. membangunkan kemudahan pengeluaran dan pemprosesan kenaf;
  - c. mewujudkan usahawan kenaf yang terlibat dalam peringkat hulu, pertengahan dan hiliran kenaf; dan

- d. aktiviti pemindahan teknologi dan peningkatan daya saing kumpulan sasar. Dianggarkan seluas 2,000 hektar kawasan bagi Wilayah Sabah dan Sarawak yang akan dibangunkan secara berperingkat.
2. Kesimpulannya, Kementerian melalui LKTN memang sentiasa komited dalam membangunkan industri kenaf Malaysia bagi jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sebarang peranan atau campur tangan termasuk menapis Laporan SUHAKAM agar ia menepati kehendak imej politik.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merupakan satu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [*Akta 597*]. Peruntukan di bawah seksyen 21 Akta yang sama, Suruhanjaya ini hendaklah mengemukakan satu laporan tahunan kepada Parlimen yang perlu merangkumi segala aktivitinya sepanjang tahun serta segala tindakan yang telah diambil oleh Suruhanjaya berkenaan perkara-perkara yang telah dirujuk kepada Suruhanjaya tersebut.

2. Bagi menjamin ketelusan penyediaan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (LTPK) SUHAKAM, pihak Kerajaan tidak menentukan perkara-perkara yang wajar dimasukkan ke dalam LTPK tersebut. Walau bagaimanapun, selaras dengan maklum balas yang telah diberikan oleh Kementerian dan agensi semasa edaran Memorandum Jemaah Menteri bagi LTPK SUHAKAM, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM) sebagai urus setia dimohon untuk mengadakan *exit conference* dalam memastikan fakta-fakta yang dimasukkan dalam LTPK tersebut adalah bertepatan.

3. Selain itu, Kerajaan Perpaduan amat komited untuk membahaskan LTPK SUHAKAM di Parlimen sebagai cerminan kesungguhan Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL  
TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**PUAN NOORITA BINTI SUAL** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah perancangan kerajaan bagi membantu dan memperkasakan ketua rumah tangga (*house husband*) di Malaysia khususnya dalam soal penjagaan anak, kerja-kerja rumah dan mewujudkan kemahiran sampingan dalam meningkatkan pendapatan memandangkan pada masa sekarang peranan lelaki mulai berubah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan institusi keluarga kita. Usaha ini diperkukuhkan lagi dengan komitmen terkini Kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas di bawah Strategi G6 Memperkukuhkan Institusi Keluarga.

KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan pelbagai usaha bagi memperkasa ketua rumahtangga di Malaysia dengan program pendidikan berkaitan kebapaan dan kekeluargaan. Ini bertujuan meningkatkan tanggungjawab bersama dalam soal penjagaan anak (*shared parenting*) dan peranan sebagai suami isteri dalam mengimbangi kehidupan kerja dan berkeluarga.

Antara program yang dilaksanakan dalam usaha pengukuhan peranan bapa dan keluarga adalah:

**(1) Kursus Keluarga@Kerja**

kursus Keluarga@kerja boleh meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepada ibubapa mengenai pentingnya mengimbangi peranan sebagai pekerja, dan memberi kemahiran serta panduan cara gaya keibubapaan untuk menghadapi cabaran keluarga di setiap kitaran hidup keluarga.

Kursus ini disasarkan kepada ibu bapa berkerjaya. Kursus berbentuk interaktif ini dilaksanakan dengan kaedah ceramah, perbincangan sedutan senario keluarga, main peranan dan perkongsian pengalaman.

dan

**(2) Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)**

Program ini dibangunkan dengan hasrat untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa, penjaga dan masyarakat mengenai isu keselamatan anak di dalam dan luar rumah, serta keselamatan di alam siber. Fokus utama program ini adalah untuk memastikan aspek keselamatan anak-anak sentiasa diberi perhatian penuh dan menjadi tanggungjawab bersama bukan sahaja ibu bapa atau penjaga tetapi ahli masyarakat juga.

Di samping itu, LPPKN juga turut bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan dalam menjalankan program advokasi peringkat nasional bagi meningkatkan komitmen kaum bapa dalam memimpin keluarga. Penganjuran program tahunan bersama NGO ini telah memasuki tahun kelima di mana program terkini berkaitan Simposium Kebapaan Kebangsaan kali kelima bertemakan "*The Mental Wellbeing Journey: From Family To Workplace*", yang telah diadakan pada 19 November 2023 bersempena sambutan November sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan.

Bagi membantu kemahiran mengurus kewangan keluarga, Program Pengurusan Kewangan SMARTbelanja@LPPKN turut disediakan. dilaksanakan kepada kumpulan sasar ahli keluarga. Antara yang turut disentuh dalam program ini adalah peranan dan tanggungjawab setiap anggota terhadap kewangan keluarga serta kepentingan merancang dan mempraktikkan pengurusan kewangan yang lebih baik agar dapat membina pelan kewangan yang lebih berkesan dan berhemah.

Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian dan agensi selain daripada KPWKM turut melaksanakan pelbagai usaha dan bantuan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah seperti program untuk meningkatkan pendapatan, meningkatkan penciptaan kekayaan dan memperkasakan isi rumah mudah terjejas, seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar, Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan dan Keusahawanan, Kursus Keusahawanan Digital, Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro dan Program Pembiayaan Tekun.

Bagi ketua rumah tangga (*house husbands*), ataupun suri rumah tangga sepenuh masa, Kerajaan juga menawarkan peluang keusahawanan dan terus menggalakkan penyertaan dalam aktiviti ekonomi gig yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seperti kandungan digital serta perkhidmatan berasaskan pengetahuan dan kreatif, sebagai sumber pendapatan tambahan. Selain itu, bermula tahun 2024, Kerajaan akan memperluas program i-Sayang kepada golongan lelaki suri rumah bagi membolehkan isteri memindahkan 2 peratus daripada jumlah caruman syer pekerja Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada suami secara sukarela. Pada ada masa yang sama, skim

pembiayaan mikro kredit dan program bimbingan usahawan juga turut ditawarkan.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) pula menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di Kolej Komuniti bagi peningkatan kemahiran dan pengetahuan seterusnya berupaya meningkatkan sosio ekonomi komuniti setempat. Program PSH di kolej komuniti ditawarkan secara jangka pendek dalam 22 bidang kemahiran antaranya ialah Kenderaan dan Automotif, Komputer dan Teknologi, dan Perniagaan dan Keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' (DR.) ARMAN AZHA BIN ABU**  
**HANIFAH**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' (DR.) ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani isu banjir kilat di sekitar bandar raya Kuala Lumpur yang menyebabkan imej bandar raya Kuala Lumpur kian merosot dengan fenomena banjir kilat yang tiada kesudahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua.

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan banjir memerlukan kerjasama bersepadu merangkumi sistem perparitan dan pengurusan sungai yang melibatkan pelbagai jabatan dan agensi. Sistem perparitan adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagaimana Seksyen 50 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengurus dan menyenggara semua sungai. Kedua-dua sistem saliran dan sistem perparitan seharusnya dinaiktaraf seiring dengan pembangunan.

2. Sistem perparitan sedia ada perlu sentiasa disenggara termasuklah pembersihan sampah sarap secara berkala agar aliran air lancar dan risiko banjir kilat dapat dikurangkan serta menaiktaraf sistem perparitan yang lama yang tidak dapat menampung kapasiti air larian apabila berlakunya hujan yang lebat.

3. Selain itu, JPS juga telah melaksanakan projek-projek tebatan banjir berimpak besar di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Berikut adalah beberapa projek tebatan banjir yang **telah berjaya dibina dan beroperasi** di Kuala Lumpur antaranya;

- i. Pembinaan dan operasi Empangan Batu;
- ii. Projek naik taraf dan operasi Empangan Klang Gate;
- iii. Projek Terowong SMART (KLFM A);
- iv. Sistem Lencongan Banjir Keroh (KLFM B);

- v. Sistem Lencongan Banjir Gombak (KLFM B); dan
- vi. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bunus (KLFM C).

4. Antara projek-projek yang **sedang dilaksanakan** oleh JPS adalah seperti berikut:

- i. Projek Menaiktaraf Kolam Takungan Banjir Batu dan Lencongan Gombak (KLFM B);
- ii. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bunus;
- iii. Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kuyoh; dan
- iv. Projek Rancangan Tebatan Banjir Upper Sungai Klang.

5. Manakala, bagi penyelesaian **jangka masa panjang**, Kajian Pelan Induk Lembangan Sungai Klang sedang disediakan dengan tujuan antaranya bagi melihat semula keupayaan *Kuala Lumpur Flood Mitigation* (KLFM) sedia ada sama ada berupaya memberi perlindungan banjir dan mengambil kira faktor-faktor seperti perubahan iklim, pembangunan terkini dan masa hadapan. Pelan induk ini dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf tasik semula jadi terbesar di Malaysia iaitu Tasek Bera sebagai salah satu daya tarikan pelancongan bertaraf antarabangsa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, MOTAC telah memperuntukkan sejumlah RM245,000 di bawah program Pemerkasaan Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan atau juga dikenali sebagai Kerja-Kerja Pemuliharaan, Pemeliharaan, Ubah suai dan Naik taraf (PPUN) bagi membiayai satu (1) projek di Bera iaitu Kerja-kerja Menaiktaraf Infrastruktur Pelancongan dan Kerja-kerja Berkaitan di Kompleks Resort Tasek Bera, Pahang Darul Makmur pada tahun 2022.

2. Selain itu, MOTAC melalui Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Timur turut bekerjasama erat dengan Kerajaan Negeri Pahang, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk merencanakan industri pelancongan di Pahang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah:

**(i) Bengkel Pembangunan Pakej & Pemasaran Produk Pelancongan Daerah Bera (16 hingga 18 Ogos 2022)**

Program ini disertai oleh 33 orang peserta yang terdiri daripada agensi pelancongan Pahang, pengusaha homestay / produk pelancongan daerah Bera, para penceramah jemputan serta wakil jabatan / agensi berkaitan. Penganjuran program ini merupakan salah satu usaha Tourism Malaysia bagi membantu memperkenalkan kembali produk-produk pelancongan serta berkongsi dengan pengusaha produk pelancongan daerah Bera berkaitan strategi pemasaran produk pelancongan di samping mengupas isu-isu pelancongan semasa bersama

wakil agensi pelancongan tempatan dan jabatan / agensi kerajaan yang terlibat.

Antara pengisian bengkel ini adalah sesi taklimat produk oleh Bahagian Pembangunan Pakej Tourism Malaysia, MOTAC, Tourism Pahang dan juga sesi dialog berkenaan isu / pembangunan terkini daerah Bera yang melibatkan Majlis Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah, Unit Pengurusan RAMSAR Tasik Bera serta Pejabat Perhutanan Daerah;

- (ii) Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Timur juga turut membuat hebahan dan promosi untuk program/acara yang dianjurkan/disertai melalui platform sosial media seperti Instagram, Facebook dan laman sesawang Tourism Malaysia: dan
- (iii) Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Timur juga sentiasa bekerjasama dengan pihak swasta seperti agensi pelancongan dan pengusaha pelancongan bagi pembangunan pakej minat khas (*niche product*) untuk diketengahkan dan dipromosikan.

3. MOTAC bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan produk-produk baharu selaras dengan halatuju dan keutamaan Kerajaan Negeri Pahang melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang bagi membantu menaiktaraf infrastruktur kemudahan pelancongan di Negeri Pahang demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus menjana ekonomi setempat dengan syarat, aspek penyelenggaraan secara berkala diberi perhatian yang sewajarnya selepas projek dilaksanakan dan diserahkan kepada Agensi Pemilik.

## **NO SOALAN: 54**

Pada masa yang sama, permohonan dan cadangan untuk menyelenggara dan menaiktaraf kemudahan pelancongan yang dibawa untuk perhatian MOTAC juga akan dipertimbangkan berdasarkan kepada Garis Panduan Permohonan Projek Penyelenggaraan bertarikh 3 November 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan fokus pembangunan ekonomi berasaskan platform pasaran digital dan bagaimana Kerajaan menangani lambakan barangan dari luar negara yang bakal merencatkan keluaran barangan pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus pembangunan ekonomi melalui platform pasaran digital telah diselaraskan melalui penggubalan beberapa polisi seperti Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang telah menggariskan inisiatif bagi menyediakan akses kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mempromosikan dan memasarkan produk usahawan melalui platform e-dagang. Selain itu, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia juga telah menyediakan mekanisme untuk membimbing perniagaan dalam pelbagai peringkat pendigitalan sekaligus membantu meningkatkan daya saing ekonomi negara.

2. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan penggunaan platform pasaran digital dalam pembangunan ekonomi perniagaan PMKS, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah membangunkan platform MyMall yang menyediakan ruang pemasaran dalam talian secara percuma terhadap produk atau perkhidmatan oleh PMKS tempatan. Selain menikmati platform e-dagang tanpa caj, usahawan tempatan yang berdaftar di MyMall memiliki kelebihan termasuklah diberi akses terhadap alat-alat bantuan perniagaan (*business development tools*), latihan keusahawanan, serta peluang mendapatkan pembiayaan perniagaan. Platform ini telah beroperasi sepenuhnya sejak bulan Oktober 2022. Sehingga bulan November 2023, sebanyak 1,277 orang usahawan telah menyertai MyMall dengan melibatkan 1,330 produk dan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM2.78 juta.

3. Bagi menangani isu lambakan barangan dari luar negara, KUSKOP telah mengambil inisiatif dengan melancarkan Kempen Mari Beli Lokal sebagai salah satu usaha menyokong produk dan perkhidmatan PMKS tempatan. Ia juga bertujuan menarik sokongan masyarakat kepada produk dan perkhidmatan usahawan tempatan dan membantu proses pendigitalan dalam kalangan PMKS. Pelaksanaan Kempen Mari Beli Lokal ini dilaksanakan dalam tempoh masa seperti berikut:

- (i) Kempen Mari Beli Lokal – Ramadhan Raya melalui MyMall semasa musim perayaan iaitu pada 22 Mac hingga 22 April 2023 dan telah merekodkan nilai jualan sebanyak RM2.5 juta; dan
- (ii) Kempen Mari Beli Lokal – Jualan Akhir Tahun melalui MyMall yang bermula pada 1 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO DR. NUIING JELUING**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO DR. NUIING JELUING** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian yang terperinci untuk memastikan keperluan bekalan beras tempatan mencukupi memandangkan berlaku bekalan yang tidak mencukupi yang membebankan rakyat dan boleh mengancam keselamatan negara baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang giat melaksanakan pelbagai langkah intervensi untuk mengatasi isu bekalan beras tempatan. Antara langkah intervensi dilaksanakan bagi mengatasi masalah kekurangan beras adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT), Operasi Jamin (OP JAMIN) iaitu kolaborasi secara strategik dengan KPDN, menguatkuasakan Arahan Had Pembelian Maksimum kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996;
- (ii) melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran tambahan 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa iaitu :

**Fasa 1:** Pelaksanaan mulai 8 September 2023 melibatkan 5 syarikat pemborong utama; dan

**Fasa 2:** Pelaksanaan mulai 15 September 2023 melibatkan 103 syarikat pemborong.

- (iii) mengadakan sesi libat urus KPKM bersama Persatuan Restoran Pengusaha Makanan dan Penjaja Kecil pada 15 September 2023. Sesi ini telah mencapai persetujuan untuk memberi tawaran lesen borong kepada pengusaha makanan yang bernaung di bawah

persatuan perniagaan. Melalui lesen borong ini pengusaha makanan dapat menikmati harga belian BPI pada harga borong tetap iaitu RM160/50kg (harga pintu gudang);

- (iv) melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam pengedaran jualan runcit secara langsung melalui platform dan ruang perniagaan yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini yang menyasarkan kawasan luar bandar dan pedalaman; dan
- (v) Selain itu, kementerian telah melaksanakan 4 langkah intervensi tambahan bagi memastikan pengedaran dan bekalan beras putih tempatan terjamin dan stabil seperti berikut:
  - (1) FAMA dan LPP telah diarahkan untuk meningkatkan pengedaran BPT ke kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk ke kedai-kedai runcit. Peranan FAMA dan LPP dalam langkah intervensi ini hanya bersifat sementara dan bukanlah sebagai pengedar utama BPT di negara ini;
  - (2) semua perolehan pembekalan beras putih tempatan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI dan pihak pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dalam kampak 50kg dan ia tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan;

- (3) menubuhkan Task Force Khas operasi bersepadu OP BPT melibatkan pelbagai agensi yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri KPKM. Manakala bagi Sabah, KPKM turut melaksanakan *Task Force* Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih Import (OP BPI) turut melibatkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) bagi kawasan pantai timur Sabah. OP BPT Bersepadu ini melibatkan pemeriksaan menyeluruh atas semua peringkat rantai industri termasuk semua kilang beras, pemborong beras dan peruncit;
- (4) dalam konteks Sabah, Labuan dan Sarawak, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan subsidi sebanyak RM950 per tan metrik Beras Putih Import (BPI) mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di kedua-dua negeri ini tidak melebihi RM31 bagi sekampit 10kg. Langkah ini diambil memandangkan pengeluaran BPT di Sabah dan Sarawak adalah terhad;

Antara langkah intervensi jangka masa sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran beras negara adalah seperti berikut:

(i) **Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)**

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemuatan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan

penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

**(ii) Program SMART SBB Model Ala Sekinchan**

Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7.00 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar.

**(iii) Pemerkasaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi**

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saliran sebanyak RM3 bilion melalui kerjasama awam-swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan

**(iv) Kerjasama Penyelidikan**

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut berkerjasama dengan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam

tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

Setiap dimensi keterjaminan makanan perlu dititikberatkan bagi memastikan setiap rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga yang berpatutan. Justeru, selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara selaras dengan konsep, *Food Security is a Shared Responsibility*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.**  
**IBRAHIM**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM** minta **MENTERI BELIA  
DAN SUKAN** menyatakan apa perancangan Kementerian dalam  
memperkasakan sukan permotoran di Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2023 Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak telah melaksanakan empat (4) program sukan permotoran di Sarawak melalui Myactive@Motorsport, Perlumbaan Motocross KBS dan KLASS Cub Prix KBS. Program ini adalah berkonsepkan kursus, klinik dan latihan bertujuan untuk mencungkil bakat atlet permotoran di peringkat akar umbi. Program pembangunan sukan bermotor dua (2) roda dan empat (4) roda ini telah melibatkan penyertaan seramai 420 orang peserta dengan peruntukan sebanyak perbelanjaan RM120 ribu.

Selain itu, Kementerian ini turut meluluskan peruntukan berjumlah RM130 ribu di bawah Dana Sukan Komuniti (DSK) bagi melaksanakan program Miri Auto Rad Show (Mars) Car Show, manakala sebanyak RM10 ribu diluluskan melalui Dana Sukan Komuniti bagi penganjuran program National Drift Series Borneo R2 dan R3 2023.

Dalam pembentangan bajet 2024, Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM50 juta bagi Geran Padanan Sukan dan RM20 juta bagi Dana Sukan Komuniti. Justeru, persatuan dan juga kelab sukan bermotor di negeri Sarawak disarankan untuk membuat perancangan lebih awal untuk mengemukakan permohonan di bawah GPS dan DSK kepada pihak kementerian mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan. Dana ini akan memberikan kebebasan kepada dan kelab sukan bermotor untuk merancang dan melaksanakan program – program yang mengikut kemahuan, keperluan dan logistik di kawasan masing – masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YBDR. LINGESHWARAN A/L DATO'**  
**SERI R. ARUNASALAM**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menyumbang sejumlah peratusan hasil cukai PBT kepada fasiliti-fasiliti kesihatan Kerajaan yang memberikan perkhidmatan kesihatan kepada lokaliti tersebut untuk membantu daripada aspek pembaikan, pemeliharaan dan naik taraf fasiliti-fasiliti yang usang dan daif.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah kerajaan di peringkat ketiga yang mempunyai kuasa dalam mengenakan cukai taksiran dalam kawasan pentadbirannya setelah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Cukai taksiran tersebut dikenakan sebagai hasil utama PBT yang akan digunakan untuk membiayai kos operasi seperti pembayaran gaji kakitangan dan pengurusan kawasan PBT secara keseluruhan serta kos penyediaan perkhidmatan PBT iaitu:

- a) penyediaan kemudahan untuk komuniti seperti dewan komuniti, padang permainan, tapak pasar awam, gelanggang sukan, kawasan riadah, stesen bas, perhentian bas dan lain-lain;
- b) penyediaan lampu jalan;
- c) pengurusan bencana seperti banjir kilat dan pokok tumbang;
- d) penghapusan kacau ganggu;
- e) pengurusan sisa pepejal;
- f) pemotongan rumput; dan
- g) pembersihan longkang.

Dalam konteks ini, tiada peratusan hasil cukai daripada PBT yang digunakan untuk mengurus, menyelenggara dan menaik taraf fasiliti-fasiliti kesihatan Kerajaan memandangkan perkara tersebut dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

## **NO SOALAN: 58**

Sehubungan dengan itu, aspek pembaikan, pemeliharaan dan naik taraf fasiliti-fasiliti kesihatan yang usang dan daif adalah menggunakan peruntukan KKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN**  
**SAMY VELLU**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian ke Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara bagi tahun 2023.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah termasuk SJKT. Perkara ini penting bagi memastikan murid-murid boleh belajar dengan selesa, kondusif dan dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga 30 Oktober 2023, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan Institusi Pendidikan dan sumbangan bantuan penyelenggaraan kepada SJKT sebanyak RM17.57 juta melibatkan 367 buah sekolah. Selain daripada itu, KPM juga telah menyalurkan peruntukan khas bagi naik taraf dan penyelenggaraan kecil Institusi Pendidikan tahun 2023 (penyelenggaraan tandas dan penyelenggaraan lain) sebanyak RM11.48 juta melibatkan 164 buah SJKT di seluruh negara. Ini menjadikan jumlah peruntukan penyelenggaraan yang telah disalurkan kepada SJKT di seluruh negara pada tahun 2023 adalah sebanyak RM37.05 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2023**

**TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi dan usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan nilai mata wang Ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat (USD).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Prestasi mata wang ringgit pada tahun 2023 sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor luaran seperti pengukuhan dolar AS yang mendadak, didorong oleh kadar faedah AS yang lebih tinggi serta keadaan ekonomi China yang lebih lemah daripada jangkaan. Tambahan pula, ketegangan geopolitik di Timur Tengah juga telah menyumbang kepada nilai dolar AS yang semakin kukuh. Oleh itu, kebanyakan mata wang dunia, termasuk ringgit, telah mengalami penyusutan nilai bagi tahun 2023.

Sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, permintaan terhadap ringgit akan dipengaruhi oleh faktor-faktor global. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting mengurangkan impak kejutan luaran terhadap aktiviti ekonomi domestik. Justeru, Bank Negara Malaysia akan terus menguruskan risiko daripada perkembangan domestik dan luaran bagi menangani volatiliti dalam pasaran pertukaran asing serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur.

Kerajaan kekal komited dalam memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan polisi-polisi struktural yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran masuk dana dan pelaburan asing yang akan menyokong pengukuhan nilai ringgit. Langkah ini termasuk usaha Kerajaan dalam mentransformasi ekonomi negara yang dipandu oleh Kerangka Ekonomi MADANI. Selain

## NO SOALAN: 60

faktor pemulihan kestabilan pasaran dunia, pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy*, NIP) untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti negara serta komitmen Kerajaan terhadap pengukuhan kemampuan fiskal menerusi pembentangan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dijangka menambah baik sentimen pelabur seterusnya memperkukuh nilai ringgit.

Sekian, terima kasih.